



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI MELAKA
TAHUN 2010



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2010

NEGERI MELAKA



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



**LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI MELAKA
TAHUN 2010**

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	3
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar	3
Jabatan Pertanian Negeri Melaka Taman Kekal Pengeluaran Makanan Selandar	15
Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka Pengurusan Melaka <i>River Cruise</i>	28
Syarikat Air Melaka Berhad Pengurusan Pengebilan Bekalan Air	36
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka Program Pembangunan Industri Ternakan	45
BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
Pendahuluan	51
Perbadanan Ketua Menteri Melaka Kumpulan Melaka Berhad	51
Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka Pengurusan Perbadanan Melaka Holdings Sdn. Bhd.	62
BAHAGIAN III - PERKARA AM	
Pendahuluan	73
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009	73
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka	78
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Melaka	78
PENUTUP	83



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara selain mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri di mana telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri, Ketua Audit Negara juga dikehendaki mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka memperkenankan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Melaka. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan **Pengauditan Prestasi** yang bertujuan untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2010 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 3 Jabatan, satu Agensi dan 3 Syarikat Kerajaan Negeri. Laporan tersebut mengandungi 3 bahagian seperti berikut:

- Bahagian I** : **Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri**
- Bahagian II** : **Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri**
- Bahagian III** : **Perkara Am**

3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, pengauditan yang dijalankan mendapat terdapat beberapa kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh Jabatan/Agensi Negeri Melaka pada tahun 2010 seperti yang saya laporkan dalam Laporan ini. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti kekurangan sistem pengurusan maklumat, penguatkuasaan, penyeliaan yang kurang rapi dan ketiadaan pemantauan yang berkesan dan kekurangan peruntukan kewangan. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Bagi menambahbaik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 30 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan berkenaan.

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana hasrat kerajaan. Secara tidak

langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara selaras dengan slogan “**Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan**” bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
20 Jun 2011



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

1. JABATAN PERHUTANAN NEGERI MELAKA

- Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar

1.1. Hutan paya laut tumbuh subur di kawasan tropika dan boleh ditemui di sempadan antara lautan dan daratan. Walaupun hutan paya laut wujud di kawasan pantai, ia bergantung kepada kedua-dua air laut dan air tawar untuk hidup. Di Melaka hanya terdapat satu sahaja kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang merupakan HSK paya laut iaitu di Linggi. Kawasan ini adalah bersempadan dengan Negeri Sembilan. Luas keseluruhan kawasan pada hari ini adalah lebih kurang 80 hektar daripada keluasan asalnya iaitu 386 hektar seperti yang telah diwartakan pada 17 Mei 1935. Jabatan Perhutanan Negeri Melaka adalah Jabatan yang dipertanggungjawabkan dalam memastikan kawasan HSK ini terpelihara.

1.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2010 mendapati pada keseluruhannya pengurusan hutan paya laut di pesisiran pantai Selat Melaka di Negeri Melaka oleh Jabatan Perhutanan Negeri Melaka adalah memuaskan. Namun Jabatan kurang melaksanakan beberapa langkah yang sepatutnya bagi mengatasi kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

1.2.1. Lot yang telah dikeluarkan sejak tahun 1999 belum diganti dan pewartaan tidak dilakukan bagi kawasan Hutan Paya Laut di Pesisir Pantai Serkam yang sesuai dijadikan sebagai HSK. Penandaan sempadan juga tidak dilakukan bagi HSK paya laut yang sedia ada.

1.2.2. Perusahaan Kayu Arang tidak dilesenkan dan merugikan kerajaan kerana tiada hasil royalti dipungut dari penghasilan kayu arang dan pengambilan kayu bakau disekitar sungai Linggi.

1.2.3. Projek Tanaman Semula gagal hidup subur kerana ditanam dikawasan nelayan menjala ikan, tanah terlalu lembut dan berair, tanaman terlalu terbuka ke arah laut dan tidak dilakukan secara sulaman di antara pokok besar serta ombak besar dan tiada benteng untuk menghalangnya dari memusnahkan anak-anak pokok paya laut.

1.2.4. Pemantauan secara berkala dan menyediakan rekod bagi tujuan berkenaan tidak dilakukan bagi memelihara kawasan HSK dari pencerobohan.

1.3. Bagi memastikan pengurusan hutan paya laut diurus dengan teratur, Jabatan dan Pejabat Tanah Daerah disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

1.3.1. Pewartaan kawasan paya laut sebagai HSK perlu dilakukan segera bagi memastikan kawasan tersebut terpelihara dan membuat pengukuran kawasan serta penetapan tanda sempadan.

- 1.3.2. Hasil pengeluaran paya laut dan arang perlu dikenakan caj bayaran royalti.
- 1.3.3. Mengenal pasti kaedah penanaman tanaman paya laut yang sesuai.
- 1.3.4. Perancangan perlu dibuat bagi memastikan pemantauan dapat dilakukan secara menyeluruh dengan membuat lawatan berjadual dan penyediaan laporan pemantauan yang lengkap dan kemas kini.

2. JABATAN PERTANIAN NEGERI MELAKA

- Taman Kekal Pengeluaran Makanan Selendar

2.1. Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Selendar Melaka mula dimajukan pada penghujung tahun 1999 dengan keluasan 163.96 hektar. Objektif utama TKPM ini adalah untuk mewujudkan kawasan pengeluaran pertanian kekal secara komersial yang dapat meningkatkan pengeluaran makanan dalam negeri serta menggalakkan penglibatan pihak swasta di dalam bidang pertanian. Pada 11 Mac 1998 (Fasa 1) dan 15 Mac 2000 (Fasa 2), Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan pelaksanaan pembangunan TKPM kawasan di Selendar, Jasin yang melibatkan 2 Fasa. Satu Memorandum Persefahaman telah ditandatangani pada 18 Ogos 2000 antara Kementerian Pertanian Malaysia dan Kerajaan Negeri Melaka bagi melaksanakan projek ini. Pada tahun 2010, TKPM Selendar diusahakan oleh 26 peserta yang terdiri daripada 6 syarikat, satu anak syarikat Kerajaan Negeri, 2 badan berkanun negeri, satu koperasi dan 16 individu. Tanaman yang dimajukan adalah buah-buahan dan sayuran terpilih yang mudah dipasarkan.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2010 mendapati pembangunan infrastruktur TKPM telah dilaksanakan dengan baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan projek. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- 2.2.1. Plot tanaman yang tidak disenggara dengan baik dan terbiar.
- 2.2.2. Bilangan peserta yang mencapai sasaran pendapatan bersih RM3,000 sebulan masih rendah berikutan pelbagai masalah yang dihadapi seperti serangan penyakit dan musuh tanaman serta kekurangan pekerja.
- 2.2.3. Kelewatan memproses permohonan Sijil Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) di samping kurangnya kesedaran peserta terhadap manfaat SALM.
- 2.2.4. Tunggakan sewa semakin meningkat setiap tahun.
- 2.2.5. Tindakan pewartaan tanah masih belum diselesaikan.

2.3. Bagi mengatasi kelemahan dan menambah baik pengurusan program TKPM, Jabatan disyorkan mengambil langkah-langkah berikut:

- 2.3.1. Jabatan perlu memastikan peserta memberikan komitmen terhadap pengurusan ladang yang baik dengan memberi latihan, menyediakan program motivasi dan pendedahan kepada teknologi terkini.

2.3.2. Jabatan perlu memastikan pewartaan dibuat sebagaimana dipersetujui dalam Memorandum Persefahaman bagi menjaga kepentingan projek.

2.3.3. Menambah syarat perjanjian berkaitan obligasi peserta dengan menetapkan tunggakan sewa perlu dijelaskan sekiranya mereka disingkirkan/menarik diri dari menyertai program tersebut.

2.3.4. Jabatan perlu mengambil tindakan proaktif dalam mengutip tunggakan sewa daripada peserta yang sedia ada dan disingkirkan.

2.3.5. Memberi galakan yang berterusan dan bantuan teknikal kepada peserta untuk mendapatkan pensijilan SALM supaya produk yang dihasilkan berkualiti dan berdaya saing di pasaran tempatan dan global.

3. PERBADANAN PEMBANGUNAN SUNGAI DAN PANTAI MELAKA - Pengurusan Melaka *River Cruise*

3.1. Melaka *River Cruise* (MRC) merupakan satu unit di bawah pentadbiran Perbadanan Sungai Dan Pantai Melaka (Perbadanan) yang mula beroperasi pada 18 Februari 2006. Sehingga Disember 2010, MRC mempunyai 40 buah bot yang terdiri daripada 6 buah bot dengan muatan 20 penumpang dan 34 buah bot dengan muatan 40 penumpang serta mempunyai 34 orang jurumudi. Kos perolehan keseluruhan bot tersebut adalah berjumlah RM3.87 juta. Jarak operasi bot MRC adalah 9 kilometer bermula di Taman Rempah hingga ke Muara Sungai Melaka dan terdapat 8 jeti di sepanjang laluan untuk kemudahan penumpang.

3.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga Oktober 2010 mendapati pada keseluruhannya pengurusan MRC adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

3.2.1. 9 buah bot penumpang yang dibeli antara Mei hingga September 2009 masih belum didaftar dan dilesenkan. 28 buah bot pula telah tidak diinsurangkan manakala sebuah bot yang telah rosak sejak awal tahun 2009 telah diinsurangkan untuk tempoh 2 tahun.

3.2.2. Tempat penyimpanan minyak petrol adalah merbahaya kerana disimpan di tempat terbuka, tidak berpagar dan kawasan laluan orang awam serta tiada tanda amaran.

3.2.3. Borang hasil tidak dikawal, rekod hasil tidak disenggarakan, hasil kutipan digunakan untuk perbelanjaan tunai dan tempat penyimpanan hasil kutipan yang kurang selamat.

3.2.4. Pembekalan aksesori bagi 2 buah bot telah dibayar sebanyak 2 kali berjumlah RM12,312.

3.3. Bagi memastikan pengurusan MRC dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, Perbadanan disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

3.3.1. Perbadanan hendaklah memastikan setiap bot penumpang didaftar dan dilesenkan, mempunyai insuran dan sijil penumpang serta mewajibkan pemakaian jaket keselamatan bagi menjamin keselamatan penumpang.

3.3.2. Perbadanan hendaklah mencari kawasan yang sesuai bagi stor penyimpanan minyak petrol bagi mengelakkan risiko kemalangan.

3.3.3. Perbadanan hendaklah memastikan semua pengeluaran tiket direkodkan, daftar stok *wristband* diselenggara agar dapat memantau jumlah hasil jualan yang diterima.

3.3.4. Perbadanan hendaklah memastikan supaya hasil kutipan yang diperoleh diakaunkan dan tidak digunakan untuk perbelanjaan tunai serta meningkatkan ciri-ciri keselamatan terhadap hasil kutipan dan perbelanjaan.

4. SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD

- Pengurusan Pengebilan Bekalan Air

4.1. Lembaga Air Melaka ditubuhkan pada 1 Oktober 1971 di bawah Enakmen Lembaga Ayer Negeri Melaka Tahun 1971. Lembaga Air Melaka telah diperbadankan pada 1 September 1993 dan ditukar nama kepada Perbadanan Air Melaka (PAM). Mulai 1 Julai 2006, PAM telah dikorporatkan dan dikenali sebagai Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB). Tanggungjawab utama SAMB adalah menyediakan perkhidmatan rawatan dan pengagihan air bersih ke seluruh Negeri Melaka. Sumber hasil utama SAMB adalah daripada caj bil air kepada pengguna. Sehingga Disember 2010, terdapat 243,921 akaun pengguna yang masih aktif.

4.2. Sumber hasil utama SAMB adalah daripada bil air yang di caj kepada pengguna. Pada keseluruhannya, pengurusan pengebilan air di SAMB adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

Kesilapan menetapkan caj kod tarif.

4.2.1. Meter tidak ditemui dan tidak dibaca serta penyalahgunaan pili bomba.

4.2.2. Cagaran tidak dikenakan.

4.2.3. Tunggakan bil yang tinggi dan melebihi setahun.

4.2.4. Pembelian meter yang merugikan dan tanpa jaminan kualiti.

4.2.5. Tindakan penguatkuasaan yang terhad.

4.3. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan pengebilan air, adalah disyorkan SAMB mengambil tindakan berikut:

4.3.1. Memastikan caj kod tarif yang dikenakan selaras dengan kod tarif penggunaan sebenar.

4.3.2. Semua daftar akaun pengguna hendaklah sentiasa dikemas kini.

4.3.3. Pembaca meter hendaklah melaporkan meter yang tiada dalam buku bacaan bulanan dan sebarang penyalahgunaan bekalan air.

4.3.4. Memastikan pengguna membayar deposit sebelum penyambungan meter dilakukan dan mengikut kadar yang ditetapkan.

- 4.3.5. Kajian terhadap kualiti dan daya ketahanan meter hendaklah dilakukan dan memastikan perolehan mempunyai jaminan kualiti.
- 4.3.6. Pihak SAMB dan SPAN perlu bekerjasama dalam penguatkuasaan dan kes-kes kecurian air.

5. JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI MELAKA

- Program Pembangunan Industri Ternakan

5.1. Program Pembangunan Industri Ternakan (PIT) merupakan salah satu program di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka (Jabatan). Objektif program PIT adalah menentukan bekalan domestik daging dan telur ayam mencukupi, mempergiatkan pengeluaran daging lembu/kerbau, kambing/bebiri dan susu segar untuk pasaran domestik. Di bawah program ini, Jabatan telah melaksanakan 3 aktiviti iaitu Pemesatan Perkhidmatan Veterinar, Pengembangan Veterinar dan Kawalan Penyakit. Jabatan telah menerima peruntukan sejumlah RM8.66 juta dalam Rancangan Malaysia Ke 9 (RMKe-9).

5.2. Pengauditan yang telah dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2010 mendapati secara keseluruhannya, Program Pembangunan Industri Ternakan adalah memuaskan. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- 5.2.1. Sasaran keperluan penggunaan ternakan dan sasaran bagi mengukur pencapaian bilangan ternakan dari penternak yang telah menerima bantuan bagi tahun 2008 hingga 2010 tidak disediakan.
- 5.2.2. Garis panduan pemberian bantuan program PIT tidak disediakan.
- 5.2.3. Spesifikasi pelan binaan tidak dibekalkan kepada pembekal.
- 5.2.4. Jadual pemantauan berkala ke ladang ternakan tidak disediakan.
- 5.2.5. Perjanjian sewa di Taman Pengeluaran Chincin di daerah Jasin tidak disediakan dan kadar sewa tidak dikenakan kepada pengusaha.

5.3. Bagi memastikan pengurusan Program PIT diurus dengan teratur, Jabatan disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

- 5.3.1. Jabatan menyediakan sasaran keperluan penggunaan ternakan bagi tahun 2008 hingga 2010.
- 5.3.2. Jabatan menyediakan garis panduan pemberian bantuan program PIT.
- 5.3.3. Jabatan menyediakan sasaran bagi mengukur pencapaian bilangan ternakan dari penternak yang telah menerima bantuan.
- 5.3.4. Jabatan menyediakan laporan latihan dan khidmat nasihat serta jadual pemantauan berkala ke ladang ternakan.
- 5.3.5. Jabatan menyediakan Perjanjian sewa di Taman Pengeluaran Chincin di daerah Jasin dan mengenakan kadar sewa kepada Pengusaha.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

6. PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA

- Kumpulan Melaka Berhad

6.1. Kumpulan Melaka Berhad (KMB) ditubuhkan pada 25 Februari 1995 dengan modal dibenarkan berjumlah RM200 juta dan saham berbayar berjumlah RM16 juta. KMB dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Ketua Menteri Melaka. Kegiatan utama KMB adalah dalam bidang pembangunan harta tanah, pembinaan dan pelaburan.

6.2. Pengauditan yang telah dijalankan pada bulan Jun hingga Ogos 2010 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan KMB adalah memuaskan kecuali kelemahan yang dikenal pasti sehingga bulan Jun 2010 antaranya seperti berikut:

6.2.1. Tuggakan sewa Menara Taming Sari meningkat sejumlah RM3.68 juta sejak mula beroperasi bulan Ogos 2008. Sewa sepatutnya diterima KMB berjumlah RM8.40 juta manakala sewa dijelaskan adalah RM4.72 juta.

6.2.2. Bagi pinjaman sejumlah RM21.0 juta untuk Projek Menara Taming Sari, bayaran balik pinjaman sejumlah RM5.20 juta yang sepatutnya dijelaskan mulai Januari 2009 masih gagal dijelaskan oleh KMB kepada Kerajaan Negeri.

6.2.3. Benua Aspirasi Sendirian Berhad sebagai operator Melaka International Bowling Centre (MIBC) gagal menjelaskan bayaran komitmen, deposit sewa dan sewa bangunan sejumlah RM2.12 juta kepada MITC Bowlplex Sendirian Berhad sejak beroperasi pada bulan Ogos 2009.

6.2.4. Pendahuluan sejumlah RM4.43 juta daripada RM5.03 juta yang dikeluarkan oleh KMB kepada 4 Syarikat Subsidiari dan 4 Syarikat Bersekutu belum dijelaskan. Pendahuluan dikeluarkan antara tahun 1995 hingga 2010 bagi menampung kos operasi, membiayai projek dan kos penubuhan syarikat.

6.2.5. Pelaburan KMB dalam syarikat subsidiari, bersekutu dan syarikat lain sejumlah RM10.97 juta adalah kurang memuaskan kerana 3 syarikat telah dorman antara tahun 1998 hingga 2007, 6 syarikat mengalami kerugian selama 3 tahun berturut-turut dengan kerugian terkumpul pada akhir tahun 2009 antara RM0.06 juta hingga RM59.82 juta.

6.3. Bagi memastikan pengurusan KMB diurus dengan teratur, adalah disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

6.3.1. Mengambil tindakan menuntut tuggakan sewa, pinjaman bayaran komitmen serta pendahuluan yang diberi kepada syarikat subsidiari dan bersekutu.

6.3.2. Mengkaji semula pelaburan KMB dalam syarikat subsidiari, bersekutu dan pelaburan lain.

7. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA
- Pengurusan Perbadanan Melaka Holdings Sdn. Bhd.

7.1. Perbadanan Melaka Holdings Sdn. Bhd. (PMH) ditubuhkan pada tahun 1977 dengan modal berbayar sejumlah RM20.43 juta dan dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka. Aktiviti utama PMH adalah perkhidmatan insuran dan takaful dan pembangunan bisnes dan sosio ekonomi serta pelaburan. Objektif PMH adalah menjadi sebuah entiti korporat yang berdaya maju dan berdaya saing dalam aktiviti perniagaan khususnya perkhidmatan.

7.2. Pengauditan yang telah dijalankan pada bulan Mei hingga Ogos 2010 mendapati PMH memperoleh keuntungan bersih bagi 3 tahun berturut-turut iaitu bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009. Bagaimanapun kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

7.2.1. Tunggakan hutang bagi aktiviti kesetiausahaan bagi tempoh 2008 hingga 2010 sejumlah RM0.43 juta masih belum dikutip.

7.2.2. Tiada pemantauan dilakukan terhadap Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin yang bekerja di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Negeri Melaka.

7.2.3. PMH tidak menyatakan sebab mengapa dividen tidak dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri pada tahun kewangan 2007 dan 2008.

7.3. Bagi memastikan pengurusan syarikat diurus dengan teratur, PMH disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

7.3.1. PMH perlu mengambil tindakan yang agresif bagi menuntut tunggakan yuran perkhidmatan kesetiausahaan.

7.3.2. Menyediakan mekanisme pemantauan terhadap aktiviti KIR Miskin di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Sifar.

7.3.3. Lembaga Pengarah PMH perlu memastikan peraturan terhadap Syarikat Kerajaan dan Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat Malaysia dipatuhi.



BAHAGIAN I AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI



BAHAGIAN I

AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

1. PENDAHULUAN

Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi terhadap program dan aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menentukan sama ada program dan aktiviti tersebut dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Pada tahun 2010, Jabatan Audit Negara telah memilih 5 aktiviti untuk dikaji iaitu Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar di Jabatan Perhutanan Negeri Melaka, Taman Kekal Pengeluaran Makanan Selendar di Jabatan Pertanian Negeri Melaka, Pengurusan Melaka *River Cruise* di Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka, Pengurusan Pengebilan Bekalan Air di Syarikat Air Melaka Berhad dan Program Pembangunan Industri Ternakan di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka. Pemerhatian Audit daripada kajian tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan di **Bahagian ini**.


JABATAN PERHUTANAN NEGERI MELAKA

2. PENGURUSAN HUTAN PAYA LAUT DAN KEPENTINGANNYA KEPADA ALAM SEKITAR

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Hutan paya laut tumbuh subur di kawasan tropika dan boleh ditemui di sempadan antara lautan dan daratan. Walaupun hutan paya laut wujud di kawasan pantai, ia bergantung kepada air laut dan air tawar untuk hidup. Seluas 92,770 hektar hutan paya laut boleh ditemui di sepanjang Selat Melaka. Di Melaka hanya terdapat satu sahaja kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) paya laut iaitu di Linggi dan bersempadan dengan Negeri Sembilan. Luas keseluruhan kawasan sehingga Disember 2010 adalah lebih kurang 80 hektar daripada keluasan asalnya iaitu 386 hektar seperti yang telah diwartakan pada 17 Mei 1935. Perbandingan keluasan kawasan HSK, Linggi adalah seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**.

Gambar 2.1
Kawasan HSK Linggi Pada Tahun 1935



Sumber: Peta Google
Lokasi: HSK Linggi, Melaka
Tarikh: 23 November 2010

Gambar 2.2
Kawasan HSK Linggi Pada Tahun 2010



Sumber: Peta Google
Lokasi: HSK Linggi, Melaka
Tarikh: 23 November 2010

2.1.2. Hutan paya laut yang tidak diuruskan dengan baik boleh memberi impak terhadap alam sekitar seperti hakisan pantai, pengecilan kawasan daratan, pencemaran dan gangguan kepada ekologi kerana habitat haiwan akuatik musnah.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan hutan paya laut dilaksanakan secara cekap dan berkesan dengan mengambil kira kepentingannya kepada alam sekitar.

2.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah tertumpu kepada pengurusan hutan paya laut di sepanjang pantai Negeri Melaka dari tahun 2007 hingga 2010. Kaedah pengauditan dijalankan dengan menemu bual pegawai terlibat, menyemak dan mengkaji maklumat berdasarkan data, rekod, fail, dan dokumen berhubung dengan pelaksanaan pengurusan hutan paya laut serta menjalankan lawatan fizikal ke kawasan pesisir pantai yang mempunyai hutan paya laut dan kawasan pelancongan berhampiran.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2010 mendapati pada keseluruhannya pengurusan hutan paya laut oleh Jabatan Perhutanan Negeri Melaka (Jabatan) adalah memuaskan. Bagaimanapun Jabatan perlu mengambil beberapa langkah bagi mengatasi kegagalan penanaman pokok paya laut dengan meningkatkan pemantauan secara berkala dan menyediakan langkah-langkah pencegahan bagi memelihara tanaman bakau yang sedia ada dan yang baru. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

2.4.1. Pewartaan

2.4.1.1. Mengikut Dasar Perhutanan Negara (DPN) 1978 (Pindaan 1992), kawasan yang mencukupi dan strategik hendaklah diisyiharkan sebagai HSK. Lawatan Audit ke pesisir pantai Serkam hingga Sungai Rambai mendapati kawasan ini kebanyakannya ditumbuhi oleh pokok bakau yang hidup subur. Semakan Audit mendapati status tanah adalah milik Kerajaan Negeri dan belum diwartakan sebagai HSK. Ini menyebabkan Jabatan tidak dapat menjalankan pemantauan ke atas kawasan berkenaan. Pihak Jabatan perlulah segera menjadikan kawasan ini sebagai HSK bagi membolehkan kawasan ini dilindungi dari aktiviti pencerobohan dan dapat memelihara flora dan fauna. Kawasan pesisir pantai yang perlu diwartakan sebagai HSK paya laut adalah seperti di **Gambar 2.3**.

Gambar 2.3
Kawasan Pesisir Pantai Yang Perlu Diwartakan
Sebagai HSK Paya Laut



Sumber: Peta Google
Lokasi: Pesisir Pantai Serkam
Tarikh: 23 November 2010

2.4.1.2. Berdasarkan maklum balas Jabatan, permohonan telah dikemukakan kepada Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin pada 25 Oktober 2010 untuk mendapatkan maklum balas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bagi cadangan merizabkan Tanah Kerajaan di lot 5791, 5792 dan 7201 Mukim Merlimau, Daerah Jasin sebagai HSK.

Pada pendapat Audit, pewartaan adalah tidak memuaskan kerana Jabatan mengambil masa yang terlalu lama untuk mengenal pasti dan bertindak mewartakan kawasan paya laut di sepanjang pesisir Pantai Serkam hingga Sungai Rambai.

2.4.2. Persempadanan

Mengikut Manual Perhutanan Jilid III yang diterima pakai oleh Jabatan, penandaan sempadan luas HSK perlu dibuat dalam tempoh setiap 5 tahun untuk mengelakkan pencerobohan orang awam atau pihak yang tidak bertanggungjawab. Lawatan Audit ke HSK Linggi mendapati tiada tanda persempadanan dibuat oleh Jabatan. Ini telah menyebabkan Jabatan sukar membuat pemantauan berkala dalam memelihara khazanah HSK Linggi.

Pada pendapat Audit, penandaan sempadan HSK adalah tidak memuaskan kerana Jabatan gagal membuat penandaan yang sepatutnya bagi mengelak pencerobohan dan penerokaan kawasan.

2.4.3. Pengeluaran/Penebusan Kawasan HSK

2.4.3.1. Bahagian III, seksyen 12 Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) dan Mesyuarat MMKN pada 5 Jun 1996 menetapkan bahawa setiap pengeluaran atau penebusan kawasan HSK perlu diganti dan Bahagian III, seksyen 11 Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) menyatakan apabila pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa kawasan berkenaan diperlukan bagi kegunaan ekonomi yang lebih mendatangkan keuntungan.

- a. Semakan Audit mendapati kawasan HSK Linggi seluas 2.54 hektar telah dikeluarkan bagi tujuan pembangunan sejak tahun 1999 tetapi sehingga tarikh pengauditan kawasan tersebut masih belum diganti. Semakan Audit selanjutnya mendapati kawasan HSK Linggi seluas 2.54 hektar ini melibatkan 2 lot tanah iaitu lot 1422 seluas 0.51 hektar yang dikeluarkan bagi tujuan pertanian manakala lot 1405 seluas 2.024 hektar bagi tujuan perusahaan. Kawasan yang telah dikeluarkan daripada HSK adalah seperti di **Gambar 2.4**.

Gambar 2.4
Dua Lot Yang Telah Dikeluarkan



Sumber: Peta Google
Lokasi: HSK Linggi, Melaka
Tarikh: 23 November 2010

- b. Tinjauan Audit mendapati lot 1422 masih belum dibangunkan untuk tujuan pertanian dan belum terusik seperti di **Gambar 2.5** dan **Gambar 2.6**. Manakala di lot 1405 pula terdapat sebuah bangunan ternakan burung Walet seperti di **Gambar 2.7** dan kawasan paya laut yang telah dibersihkan seperti di **Gambar 2.8**. Pengeluaran kawasan HSK ini tidak dimanfaatkan sepenuhnya mengikut tujuan asal pengeluaran bagi menyumbang kepada pembangunan ekonomi setempat. Pembukaan tanah yang telah ditebus guna telah menyebabkan kawasan HSK yang semakin mengecil.

Gambar 2.5

Lot 1422 Yang Masih Belum Dibangunkan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: HSK Linggi

Tarikh: 29 September 2010

Gambar 2.6



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: HSK Linggi

Tarikh: 29 September 2010

Gambar 2.7

Pemeliharaan Burung Walet Di Lot 1405



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: HSK Linggi

Tarikh: 29 September 2010

Gambar 2.8

Kawasan Paya Laut Yang Telah Dibersihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: HSK Linggi

Tarikh: 29 September 2010

2.4.3.2. Berdasarkan maklum balas Jabatan, kelulusan pengeluaran HSK adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Satu kawasan baru di pesisir Pantai Serkam seluas 11.8 hektar sedang dalam proses pewartaan oleh Kerajaan Negeri bagi menggantikan kawasan HSK, Linggi yang telah dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, pengeluaran kawasan HSK yang tidak menyumbang kepada pembangunan ekonomi setempat perlu dihentikan bagi memastikan dasar dan Akta Perhutanan Negara Tahun 1984 dapat dikuatkuasakan agar kawasan HSK dapat dipelihara.

2.4.4. Pengeluaran Hasil Kayu Bakau

Mengikut Warta Kerajaan Negeri Melaka Bil 40 No. 26 bertarikh 19 Disember 1996 di bawah perintah M.P.U.8, Akta Perhutanan Negara, Kaedah-kaedah Hutan Negeri Melaka 1996, setiap hasil kayu bakau yang dikeluarkan dari tanah milik persendirian atau kerajaan boleh dikenakan caj bayaran royalti mengikut Jadual Kedua Senarai Kadar Royalti yang ditetapkan. Lawatan Audit ke Ramuan Cina Besar mendapati satu perusahaan memproses arang daripada kayu bakau sedang beroperasi. Hasil temu bual dengan pengusaha, bekalan kayu bakau diperoleh dari tanah milik persendirian di kawasan sekitar. Bagaimanapun Jabatan mengesahkan tiada hasil royalti dikutip daripada pengeluaran ini. Pihak Audit dimaklumkan tiada permohonan lesen pengeluaran kayu bakau dikemukakan oleh pengusaha berkenaan. Keadaan kawasan perusahaan adalah seperti di **Gambar 2.9** hingga **Gambar 2.12**.

Gambar 2.9

Tual Kayu Bakau Yang Belum Diproses



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ramuan Cina Besar, Melaka
Tarikh: 4 November 2010

Gambar 2.10



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ramuan Cina Besar, Melaka
Tarikh: 4 November 2010

Gambar 2.11

Kawasan Perusahaan Arang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ramuan Cina Besar, Melaka
Tarikh: 4 November 2010

Gambar 2.12



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ramuan Cina Besar, Melaka
Tarikh: 4 November 2010

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu memantau pengeluaran kayu bakau dan arang bagi mengelakkan kehilangan hasil royalti.

2.4.5. Penanaman Semula

2.4.5.1. Penilaian perlu dijalankan oleh Jabatan terhadap projek tanaman semula pokok paya laut agar mengikut spesifikasi kontrak yang telah ditetapkan. Kawasan yang terlibat dengan penanaman semula adalah di pesisir pantai Telok Mas, Fort Supai dan Sungai Rambai, Sebatu dengan keluasan keseluruhan berjumlah 7 hektar. Kos penanaman semula pokok paya laut dan promosi bagi tahun 2008 hingga 2010 berjumlah RM125,000 seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Kos Projek Penanaman Semula Dan Promosi Pokok Paya Laut

Tahun	Lokasi	Jenis Perolehan	Amaun (RM)
2008	Tapak Semaian	Pembelian Anak Pokok	36,000
2008	Telok Mas	Penanaman Pokok Bakau Perkhidmatan Bot	24,750
2008	Sungai Rambai, Sebatu	Penanaman Pokok Bakau Perkhidmatan Bot Program Promosi	28,315
2010	Fort Supai, Linggi	Penanaman Pokok Bakau	15,000
2008	Pantai Umbai	Kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Di Persisiran Pantai Negara Peringkat Negeri Melaka	20,935
Jumlah			125,000

Sumber: Jabatan Perhutanan Melaka

2.4.5.2. Lawatan Audit ke kawasan Sungai Rambai, Sebatu dan Telok Mas pada bulan Oktober dan November 2010 mendapati kesemua pokok paya laut yang ditanam semula telah musnah. Manakala di Fort Supai, Linggi sebahagian sahaja anak pokok paya laut yang masih hidup. Antara sebabnya ialah:

a. Anak Pokok Paya Laut Dihanyutkan Ombak

Kawasan Telok Mas dan Sungai Rambai, Sebatu merupakan kawasan yang terdedah kepada ombak besar. Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada 27 Julai 2009 ketiadaan benteng atau geotube yang menghalang ombak adalah faktor penyumbang kepada kemusnahan anak-anak pokok paya laut yang baru ditanam. Pihak Audit mendapati kesemua pokok paya laut yang ditanam di kawasan tersebut telah musnah kerana dihanyutkan ombak. Jabatan memaklumkan penggunaan geotube tidak dapat dilaksanakan kerana kos yang terlalu tinggi iaitu RM500,000 bagi 200 meter. Keadaan kawasan penanaman sebelum dan selepas dipukul ombak seperti **Gambar 2.13** hingga **Gambar 2.16**.

Gambar 2.13
Anak Pokok Paya Laut Yang Ditanam
Sebelum Dipukul Ombak



Sumber: Jabatan Perhutanan Melaka
Lokasi: Telok Mas, Melaka
Tarikh: 16 Disember 2008

Gambar 2.14
Kawasan Penanaman Pokok Paya Laut
Selepas Dipukul Ombak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Telok Mas, Melaka
Tarikh: 4 November 2010

Gambar 2.15
Anak Pokok Paya Laut Yang Ditanam
Sebelum Dipukul Ombak



Sumber: Jabatan Perhutanan Melaka
Lokasi: Sungai Rambai, Sebatu
Tarikh: 7 Julai 2008

Gambar 2.16
Kawasan Penanaman Pokok Paya Laut
Selepas Dipukul Ombak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Rambai, Sebatu
Tarikh: 20 Oktober 2010

b. Kaedah Penanaman Kurang Sesuai

Kaedah penanaman antara pokok bakau besar adalah salah satu kaedah yang berkesan dan boleh diamalkan. Lawatan Audit pada bulan Oktober 2010 mendapati penanaman dilakukan secara terbuka menghadap terus ke laut dan tidak ditanam antara pokok besar sedia ada bagi melindungi anak pokok daripada pukulan ombak. Perbandingan terhadap kaedah penanaman antara pokok besar oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan di sekitar Kampung Balak, Pasir Panjang, Port Dickson mendapati anak pokok dapat membesar dengan sempurna seperti di **Gambar 2.17**. Manakala anak pokok yang ditanam secara terbuka di Fort Supai, Melaka, musnah di pukul ombak seperti di **Gambar 2.18** dan **Gambar 2.19**.

Gambar 2.17
Penanaman Antara Pokok Besar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Port Dickson, Negeri Sembilan
Tarikh: 2 November 2010

Gambar 2.18
Penanaman Secara Terbuka



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Fort Supai, Melaka
Tarikh: 29 Oktober 2010

Gambar 2.19
Pokok Paya Laut Telah Musnah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Fort Supai, Melaka
Tarikh: 29 Oktober 2010

c. Kawasan Nelayan Menangkap Ikan

Kajian bagi mencari kawasan tanaman yang sesuai perlu dilakukan sebelum sesuatu kawasan itu dipilih untuk dijadikan sebagai kawasan tanaman semula. Tinjauan Audit ke kawasan Telok Mas dan temu bual dengan nelayan tempatan mendapati anak pokok paya laut ditanam di kawasan nelayan menjalankan aktiviti penangkapan ikan. Aktiviti ini telah menyebabkan anak pokok yang ditanam musnah. Bagi mengatasi masalah ini, Jabatan telah membuat tinjauan bersama Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung bagi mengenal pasti kawasan tanaman yang sesuai.

d. Struktur Tanah Yang Tidak Sesuai

Berdasarkan laporan FRIM, penanaman pokok paya laut sesuai ditanam di kawasan berstruktur iaitu mempunyai ketebalan tanah 20 sentimeter dan mempunyai bahan

organik hancur. Bagaimanapun, didapati struktur tanah di pantai Telok Mas, adalah tidak berstruktur iaitu berlumpur cair. Ini menyebabkan pokok yang ditanam tiada kekuatan untuk melawan ombak dan mudah hanyut bila air pasang. Jabatan memaklumkan kaedah penanaman yang dilaksanakan masih lagi bergantung pada kaedah cuba dahulu dan lihat kesannya kemudian. Keadaan kawasan tanaman di tanah berlumpur cair seperti di **Gambar 2.20** dan **Gambar 2.21**.

Gambar 2.20
Kawasan Tanaman Berlumpur Cair



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Telok Mas, Melaka
Tarikh: 4 November 2010

Gambar 2.21
Tanah Berlumpur Cair



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Telok Mas, Melaka
Tarikh: 4 November 2010

Pada pendapat Audit, penanaman semula adalah tidak memuaskan kerana Jabatan tidak mengambil kira faktor ombak, kaedah tanaman, aktiviti nelayan dan struktur tanah sebelum melaksanakan penanaman semula.

2.4.6. Flora Dan Fauna

Keindahan flora dan fauna adalah penting bagi memastikan keindahan alam semula jadi ini terpelihara dan dijaga. Penjagaan kawasan hutan paya laut dapat memberikan kehidupan yang baik, terpelihara dan sempurna kepada flora dan fauna di HSK, Linggi. Semakan Audit mendapati semua pokok paya laut hidup dengan subur serta ekosistem hutan juga terpelihara. Haiwan seperti monyet, ular dan buaya hidup tanpa gangguan atau ancaman dari luar. Tumbuh-tumbuhan renek di persisiran sungai dan kawasan pokok paya laut memberi makanan dan perlindungan kepada haiwan kecil seperti ketam, ikan belacak, kelip-kelip dan siput. Ini sangat baik untuk rantaian makanan hidupan hutan paya laut dan sungai. Antara kehidupan flora dan fauna di HSK, Linggi adalah seperti di **Gambar 2.22** hingga **Gambar 2.24**.

Pada pendapat Audit, perlindungan kepada flora dan fauna adalah memuaskan kerana dapat hidup subur dan tanpa gangguan.

Gambar 2.22
Burung-Burung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HSK Linggi, Melaka
Tarikh: 6 Januari 2011

Gambar 2.23
Siput-Siput Kecil



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HSK Linggi, Melaka
Tarikh: 6 Januari 2011

Gambar 2.24
Monyet



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HSK Linggi, Melaka
Tarikh: 6 Januari 2011

2.4.7. Pemantauan

2.4.7.1. Aktiviti di kawasan paya laut perlu dipantau bagi memulihara dan mencegah pencerobohan serta kehilangan hasil hutan. Pemantauan perlu dirancang secara berjadual dan laporan pemantauan hendaklah disediakan secara berkala. Semakan Audit mendapati, Jabatan tidak mempunyai perancangan pemantauan terhadap aktiviti di kawasan paya laut. Laporan Pemantauan Dan Penguatkuasaan Hutan ada disediakan bagaimanapun tidak disahkan oleh pegawai atasan. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan lawatan bagi tempoh Januari 2007 hingga Mei 2010 kerana laporan yang dikemukakan hanya meliputi bulan Jun hingga Ogos 2010. Jabatan memaklumkan kebanyakan borang pemantauan yang disediakan tidak digunakan.

2.4.7.2. Selain itu, pihak Audit mendapati, Jabatan tidak mempunyai kemudahan bot untuk melakukan rondaan di pesisir pantai dan sungai. Pemantauan ini perlu bagi mengenal pasti kawasan yang dicerobohi dan pengeluaran hasil kayu paya laut melalui jalan air. Ketiadaan bot boleh menyebabkan pemantauan secara menyeluruh tidak dapat dijalankan dengan berkesan.

Pada pendapat Audit, pemantauan adalah tidak memuaskan kerana Jabatan gagal melaksanakan langkah pemantauan yang menyeluruh.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan hutan paya laut dilaksanakan secara cekap dan berkesan, Jabatan disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

2.5.1. Pewartaan kawasan paya laut sebagai HSK perlu dilakukan segera bagi memastikan kawasan tersebut terpelihara dan membuat pengukuran kawasan serta penetapan tanda sempadan.

2.5.2. Pengeluaran/penebusan kawasan HSK yang tidak menyumbang kepada pembangunan ekonomi perlu dihentikan.

2.5.3. Hasil pengeluaran paya laut dan arang perlu dikenakan caj bayaran royalti.

2.5.4. Mengenal pasti kaedah penanaman tanaman paya laut yang sesuai.

2.5.5. Jabatan perlu menyediakan peruntukan untuk membeli bot bagi tujuan rondaan.

2.5.6. Perancangan perlu dibuat bagi memastikan pemantauan dapat dilakukan secara menyeluruh dengan membuat lawatan berjadual dan penyediaan laporan pemantauan yang lengkap dan kemas kini.

JABATAN PERTANIAN NEGERI MELAKA

3. TAMAN KEKAL PENGELOUARAN MAKANAN SELANDAR

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Penubuhan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) merupakan satu inisiatif kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan di dalam negara serta menggalakkan penglibatan pihak swasta untuk berkecimpung di dalam bidang pertanian. Konsep ini selaras dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan pada bulan Disember 1998. DPN3 menggariskan teras dasar, strategi dan mekanisme untuk menangani isu dan cabaran bagi memperkuatkan daya saing sektor pertanian dan meningkatkan pelaburan swasta dalam pengeluaran makanan.

3.1.2. Pada 11 Mac 1998 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan pelaksanaan pembangunan TKPM di kawasan di Selandar, Jasin bagi Fasa 1. Manakala pada 15 Mac 2000 Kerajaan Negeri telah meluluskan kawasan tambahan bagi Fasa 2.

3.1.3. Satu Memorandum Persefahaman telah ditandatangani pada 18 Ogos 2000 antara Kementerian Pertanian Malaysia dan Kerajaan Negeri Melaka. Pelaksanaan projek TKPM ini melibatkan Fasa 1 yang bermula pada tahun 1999 melibatkan kawasan seluas 81 hektar dan Fasa 2 pada tahun 2003 seluas 82.96 hektar. Pada tahun 2010, TKPM Selandar diusahakan oleh 26 peserta yang terdiri daripada 6 syarikat, satu anak syarikat Kerajaan Negeri, 2 badan berkanun negeri, satu koperasi dan 16 individu. Tanaman yang dimajukan adalah buah-buahan dan sayuran terpilih yang mudah dipasarkan. Peruntukan telah diberi oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan setiap tahun untuk melaksanakan projek selaras dengan ketetapan Memorandum Persefahaman mengenai Pembangunan TKPM Selandar. Bagi tahun 2008 hingga 2010 peruntukan berjumlah RM600,000 telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk mengurus dan menyenggara kemudahan TKPM Selandar manakala Kerajaan Persekutuan menyalurkan RM61,311 bagi membayai kos penyenggaraan infrastruktur asas.

3.1.4. Objektif pembangunan TKPM Selandar adalah seperti berikut:

3.1.4.1. Mewujudkan peluang pelaburan dalam bidang pertanian kepada usahawan dan sektor swasta yang berminat dalam pengeluaran makanan bagi meraih pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan bagi setiap peserta.

3.1.4.2. Mengoptimumkan penggunaan tanah untuk pengeluaran makanan dan menjamin pengeluaran pertanian secara berterusan.

3.1.4.3. Memaksimumkan pengeluaran makanan melalui aplikasi teknologi pertanian moden dan terkini serta automasi yang sesuai.

3.1.4.4. Mengeluarkan hasil pertanian terpilih, bermutu dan bernilai tinggi untuk membantu menampung keperluan makanan dalam negeri.

3.1.4.5. Menyokong hasrat Kerajaan Negeri menjadikan agro-pelancongan sebagai penjana pendapatan.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pembangunan TKPM dilaksanakan dengan berhemat dan mencapai matlamatnya.

3.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN


Skop pengauditan meliputi pembangunan TKPM bagi tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan dijalankan di Jabatan Pertanian Negeri Melaka (Jabatan) dan TKPM Selendar Melaka. Kaedah pengauditan yang dijalankan adalah dengan memeriksa rekod dan dokumen berkaitan serta pemeriksaan fizikal di tapak projek. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat dan soal selidik juga diadakan untuk mendapatkan maklumat atau penjelasan lanjut.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2010 mendapati pembangunan infrastruktur TKPM telah dilaksanakan dengan baik. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan projek. Antaranya ialah plot tanaman yang tidak disenggara dengan baik dan terbiar, 20 daripada 26 peserta tidak mencapai sasaran pendapatan bersih RM3,000 sebulan. Selain itu, berlaku kelewatan memproses permohonan Sijil Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) di samping kurangnya kesedaran peserta terhadap manfaat SALM. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan berikut:

3.4.1. Prestasi Pengeluaran Hasil Tanaman

3.4.1.1. TKPM Selendar mengusahakan projek tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran untuk pasaran di dalam negeri. Kawasan seluas 136 hektar telah dikhaskan bagi projek buah-buahan manakala 8 hektar untuk tanaman sayur-sayuran. Antara tanaman sayur-sayuran yang dihasilkan adalah terung, bendi dan kacang panjang manakala buah-buahan seperti mangga Melaka *delight*, tembikai wangi, pisang dan ciku. Jabatan telah menetapkan sasaran hasil pertanian sebanyak 600 tan metrik setahun bernilai RM1.62 juta bagi tahun 2008 dan 2009 manakala tahun 2010 pula bernilai RM1.14 juta. Semakan Audit terhadap Laporan Kemajuan TKPM mendapati prestasi pengeluaran hasil adalah seperti di **Carta 3.1**.



Sumber: Laporan Kemajuan TKPM, Jabatan Pertanian Melaka

3.4.1.2. Berdasarkan **Carta 3.1**, kuantiti dan nilai pengeluaran hasil telah meningkat setiap tahun. Sungguhpun peningkatan ini masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan tetapi pada tahun 2010 pencapaian sebenar kuantiti pengeluaran meningkat sehingga 99.2%. Pencapaian pada tahun 2008 dan 2009 yang kurang menggalakkan adalah disebabkan pelbagai masalah seperti penyakit tanaman, musuh tanaman, pengairan, pusingan modal serta keluasan tanah yang tidak mencukupi. Selain itu sikap dan komitmen peserta kurang memuaskan dalam menjayakan program TKPM.

Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran hasil TKPM adalah memuaskan kerana terdapat peningkatan dalam pengeluaran hasil tahunan.

3.4.2. Prestasi Peserta Program

3.4.2.1. Prestasi Pendapatan Peserta

- Pendapatan peserta merupakan antara ukuran utama kejayaan projek TKPM. Jabatan telah mensasarkan pendapatan setiap peserta sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2008 hingga 2010 bilangan peserta yang mencapai sasaran purata pendapatan bersih melebihi RM3,000 sebulan adalah antara 4 (12.9%) hingga 7 (26.9%) peserta. Manakala peserta yang belum mencapai sasaran dalam tempoh yang sama adalah melebihi 48.4%. Semakan Audit juga mendapati seramai 12 peserta bagi tahun 2008 dan 6 bagi tahun 2009 masih belum memperoleh hasil. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Pencapaian Pendapatan Peserta

Tahun	Bilangan Peserta	Pendapatan Peserta					
		Melebihi RM3,000		Kurang RM3,000		Belum Berhasil	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
2008	31	4	12.9	15	48.4	12	38.7
2009	26	7	26.9	13	50.0	6	23.1
2010	26	6	23.0	20	77.0	0	0.0

Sumber: Fakta TKPM Selander Melaka

- b. Sasaran tersebut tidak dapat dicapai kerana pada peringkat awal penanaman pokok mangga, peserta berhadapan pelbagai masalah seperti penyakit, serangga dan cuaca yang menyebabkan kebanyakan tanaman tidak mengeluarkan hasil. Sementara itu saiz lot bagi penanaman sayuran bersaiz komersial yang ditetapkan dalam panduan projek TKPM adalah 2 hektar tetapi setiap peserta hanya mendapat satu hektar sahaja. Selain itu terdapat juga lot yang tidak diusahakan oleh peserta menyebabkan tiada hasil dapat dikeluarkan dan sikap peserta yang kurang produktif serta tidak mengeluarkan modal yang mencukupi untuk meningkatkan hasil pertanian.
- c. Lawatan ke tapak projek mendapati, pemasaran hasil pertanian dilakukan sendiri oleh peserta dengan cara menjual secara terus kepada pemborong dan secara runcit. Analisis Audit terhadap maklum balas yang diterima daripada peserta mendapati antara faktor peserta tidak memasarkan hasil pertanian kepada FAMA kerana harga belian yang rendah dan pembelian hasil pertanian yang tidak konsisten. Keadaan ini menyumbang kepada faktor kegagalan peserta mencapai sasaran pendapatan bersih RM3,000 sebulan.

Pada pendapat Audit, prestasi pendapatan peserta tidak memuaskan kerana bilangan peserta yang mencapai sasaran pendapatan masih rendah.

3.4.2.2. Plot Tanaman Yang Diusahakan

- a. Merujuk kepada Memorandum Persefahaman antara Kementerian Pertanian dan Kerajaan Negeri, pembahagian tapak projek kepada plot individu adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Kejayaan program TKPM ini juga dinilai berdasarkan komitmen peserta dalam mengusahakan plot yang disewa. Semakan Audit mendapati pembahagian plot kepada peserta telah dilakukan. Bagaimanapun lawatan Audit pada bulan September 2010 dan Januari 2011 mendapati 12 plot tidak diusahakan, 25 plot diusahakan tetapi tidak mencapai potensi hasil dan 8 plot telah diusahakan dengan jayanya. Butiran lanjut seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Plot Tanaman Yang Diusahakan Setakat Januari 2011

Bil.	Status Plot	Plot Tanaman				Bilangan Plot	
		Buah-Buahan		Sayuran			
		Bil.	%	Bil.	%		
1.	Tidak Diusahakan	10	83.3	2	16.7	12	
2.	Diusahakan Tetapi Tidak Mencapai Potensi Hasil	22	88.0	3	12.0	25	
3.	Berjaya	6	75.0	2	25.0	8	
Jumlah		38		7		45	

Sumber: Lawatan Audit TKPM Selendar

- b. Berdasarkan **Jadual 3.2**, 12 plot yang tidak diusahakan adalah terdiri daripada 10 plot buah-buahan dan 2 plot sayuran. Ini disebabkan oleh penyingkiran peserta yang tidak aktif dan sikap peserta yang tidak memberi komitmen. Keadaan plot yang tidak diusahakan adalah seperti di **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.4**. Manakala plot yang berjaya seperti di **Gambar 3.5** dan **Gambar 3.6**.

Gambar 3.1

Plot Yang Tidak Diusahakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Plot 4, TKPM Selendar
Tarikh: 5 Januari 2011

Gambar 3.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Plot 28, TKPM Selendar
Tarikh: 5 Januari 2011

Gambar 3.3

Plot Yang Tidak Diusahakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Plot 5, TKPM Selendar
Tarikh: 5 Januari 2011

Gambar 3.4



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Plot 25, TKPM Selendar
Tarikh: 5 Januari 2011

Gambar 3.5

Plot Tanaman Yang Berjaya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Plot 43 TKPM Selendar
Tarikh: 5 Januari 2011

Gambar 3.6



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Plot 32/2 TKPM Selendar
Tarikh: 5 Januari 2011

Pada pendapat Audit, plot tanaman yang diusahakan kurang memuaskan kerana masih terdapat plot yang tidak diusahakan, terbiar dan tidak disenggara dengan baik sehingga menjasarkan pengeluaran hasil.

3.4.2.3. Penilaian Pengurusan Ladang

- a. Mulai tahun 2009, Jabatan melaksanakan penilaian terhadap pengurusan ladang berdasarkan 4 tahap prestasi seperti di **Jadual 3.3**. Penilaian ini dijalankan pada setiap bulan bagi semua plot tanaman peserta untuk memastikan kawasan penanaman telah dijaga dengan baik. Antara kriteria yang diambil kira ialah pengurusan tanaman, penyimpanan rekod pembelian input, tenaga kerja dan penghasilan ladang dibuat dengan sempurna.

Jadual 3.3
Penilaian Prestasi Peserta TKPM Selandar

Markah	Prestasi	Syor
8.0 – 10.0	Cemerlang	Penyertaan diteruskan
7.0 - 7.9	Baik	Penyertaan diteruskan
5.0 - 6.9	Sederhana	Penyertaan diteruskan
< 5.0	Kurang Memuaskan	Penyertaan sebagai pemajak ditamatkan

Sumber: Laporan Prestasi Pelabur TKPM Selandar Melaka

- b. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2010, purata prestasi pengurusan ladang menunjukkan plot yang mencapai tahap prestasi cemerlang meningkat sebanyak 8.9% berbanding 22.2% pada tahun 2009. Manakala tahap prestasi kurang memuaskan pula meningkat 6.7% pada tahun 2010 berbanding 22.2% bagi tahun 2009. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Prestasi Pengurusan Ladang Bagi Tahun 2009 Dan 2010

Tahun	Bil. Plot	Prestasi Pengurusan							
		Cemerlang (Bil. Plot)	%	Baik (Bil. Plot)	%	Sederhana (Bil. Plot)	%	Kurang Memuaskan (Bil. Plot)	%
2009	45	10	22.2	12	26.7	13	28.9	10	22.2
2010	45	14	31.1	9	20.0	9	20.0	13	28.9

Sumber: Laporan Prestasi Pelabur TKPM

- c. Berdasarkan laporan penilaian prestasi bulanan kebanyakan peserta tidak melaksanakan pengurusan ladang dengan baik seperti gerak kerja cantasan, pembajaan, kawalan musuh/penyakit dan pengairan. Peserta juga tidak menghantar borang perbelanjaan dan hasil kepada Penyelia sebagaimana yang ditetapkan. Oleh itu, pengeluaran sebenar hasil tanaman ditentukan berdasarkan penilaian Penyelia semasa lawatan pemantauan ke plot yang berkenaan. Lawatan Audit pada bulan Januari 2011 mendapati plot tanaman tidak disenggara dengan baik serta dibiarkan semak samun seperti di **Gambar 3.7** dan **Gambar 3.8**.

Gambar 3.7
Plot Yang Dipenuhi Dengan Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Plot 30/1, TKPM Selandar
Tarikh: 5 Januari 2011

Gambar 3.8
Plot Yang Tidak Disenggara Dengan Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Plot 6, TKPM Selandar
Tarikh: 5 Januari 2011

Pada pendapat Audit, pengurusan ladang oleh peserta adalah kurang memuaskan kerana terdapat plot tanaman yang tidak disenggara dengan baik dan dibiarkan semak samun.

3.4.2.4. Kutipan Dan Tunggakan Sewa

- Mengikut perenggan 5.1.4 surat perjanjian antara Peserta dan Kerajaan Negeri, sewa hendaklah dijelaskan pada atau sebelum 15 Januari setiap tahun dengan kadar RM450 sehektar. Semakan Audit mendapati, peratus kutipan sewa bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah rendah iaitu antara 30.5% hingga 40.2% seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Kutipan Sewa Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	Kutipan Sewa		Peratus Kutipan (%)
	Sepatutnya Terima (RM)	Telah Terima (RM)	
2008	56,264	22,621	40.2
2009	56,264	17,153	30.5
2010	56,264	19,544	34.7

Sumber: Fail Jabatan Pertanian Negeri Melaka

- Semakan selanjutnya mendapati kutipan sewa telah tertunggak mulai tahun 2002 dan telah meningkat setiap tahun. Sehingga Disember 2010, tunggakan sewa terkumpul yang belum dijelaskan oleh peserta berjumlah RM203,676. Daripada jumlah tersebut, RM104,518 atau 51.3% merupakan tunggakan daripada 3 peserta yang telah disingkirkan berjumlah RM37,904 dan tunggakan sebuah syarikat berjumlah RM66,614. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Tunggakan Sewa Bagi 4 Peserta

Bil.	No. Plot	Jumlah Tunggakan (RM)	Tempoh Tunggakan
1.	19 & 20	14,549	2002-2009
2.	35	12,150	2004-2009
3.	46	11,205	2004-2009
4.	4,15,18,25,27,28,40,41,49	66,614	2005-2010
Jumlah		104,518	

Sumber: Fail Jabatan Pertanian Negeri Melaka

- c. Tunggakan sewa tidak dapat dikutip disebabkan oleh surat perjanjian tidak menyatakan syarat bahawa peserta perlu menjelaskan tunggakan sewa setelah ditamatkan atau disingkirkan. Bagaimanapun pihak Jabatan telah mengambil inisiatif dengan menghantar surat peringatan kepada peserta untuk menuntut bayaran tunggakan sewa.

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan dan tunggakan sewa adalah tidak memuaskan kerana tunggakan sewa meningkat setiap tahun.

3.4.3. Pewartaan Tanah

Mengikut Artikel II, Memorandum Persefahaman antara Kementerian Pertanian Malaysia dan Kerajaan Negeri Melaka yang telah ditandatangani pada 18 Ogos 2000 menyatakan Kerajaan Negeri hendaklah mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk dijadikan TKPM dan mengezonkan serta mewartakan kawasan berkenaan. Permohonan pewartaan telah dibuat pada tahun 2000 manakala permohonan rizab tanah telah diluluskan oleh MMKN pada 8 Mac 2006. Bagaimanapun sehingga tahun 2010 TKPM Selandar seluas 163.96 hektar berkenaan masih belum diwartakan. Kelewatan pewartaan tanah selama 10 tahun adalah disebabkan oleh Jabatan tidak membuat susulan terhadap proses pewartaan. Kelewatan pewartaan tersebut boleh menyebabkan status kegunaan tanah tidak terjamin dan menjelaskan matlamat program TKPM. Status permohonan pewartaan tanah adalah seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Status Permohonan Pewartaan Tanah TKPM

Bil.	Lot Tanah	Status Pewartaan			Tempoh Kelewatan Pewartaan (Tahun)
		Mohon Pewartaan	Kelulusan MMKN	Status Pewartaan	
1.	Lot 2646 (Fasa I)	2000	2006	Dalam proses pewartaan di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka	10
2.	PT 1467 dan PT 1475 (Fasa II)	2000	2006	Dalam proses mendapatkan PA (Pelan Akui) daripada Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Melaka	10

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Negeri Melaka

Pada pendapat Audit, tindakan pewartaan tanah TKPM adalah tidak memuaskan kerana kelewatan boleh menjaskan kepentingan TKPM sebagaimana yang ditetapkan dalam Memorandum Persefahaman.

3.4.4. Pensijilan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM)

3.4.4.1. Jabatan menggalakkan semua peserta projek mendapatkan pengiktirafan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM). Skim ini merupakan satu skim pensijilan yang memberi pengiktirafan kepada ladang yang mengamalkan amalan pertanian yang berkonsepkan mesra alam dan menghasilkan produk yang berkualiti serat selamat diamalkan. Skim ini melibatkan pemeriksaan ladang, verifikasi amalan ladang, analisis hasil ladang dan penilaian terhadap ladang berbandarkan standard dan garis panduan yang ditetapkan. Tempoh memperoleh sijil SALM adalah antara 6 hingga 24 bulan daripada tarikh terima permohonan. Mulai bulan Oktober 2008, Jabatan telah mewajibkan semua peserta menyertai Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM).


3.4.4.2. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2008 hingga 2010 hanya 4 peserta telah memohon pensijilan SALM yang melibatkan 2 permohonan baru dan 2 permohonan memperbaharui sijil. Bagaimanapun, sehingga kini tiada maklum balas daripada Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman Jabatan Pertanian Malaysia walaupun permohonan memperbaharui sijil telah dibuat sejak tahun 2005. Ini disebabkan bahagian tersebut kekurangan kakitangan untuk melaksanakan pemeriksaan dan verifikasi ladang, analisis hasil ladang dan penilaian. Selain itu, permohonan pensijilan SALM masih rendah di kalangan peserta kerana kurangnya sambutan dan kesedaran terhadap manfaat yang diperoleh melalui pensijilan SALM. Kebanyakan peserta berpendapat mereka belum mencapai piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan.

Pada pendapat Audit, pensijilan SALM adalah tidak memuaskan kerana tiada peserta yang berjaya memperoleh sijil dan tahap kesedaran yang rendah di kalangan peserta terhadap manfaatnya.

3.4.5. Cabaran Dan Permasalahan Peserta

3.4.5.1. Soal selidik telah dijalankan terhadap 18 responden daripada kalangan peserta bagi mendapatkan maklum balas berkaitan projek bagi mengetahui masalah dan cabaran yang dihadapi. Antara masalah utama yang dibangkitkan adalah serangan penyakit tanaman, serangan musuh tanaman, kekurangan pekerja, pasaran serta pengairan tanaman. Masalah yang sering dihadapi oleh peserta seperti di **Carta 3.2**.

Carta 3.2
Masalah Peserta Berdasarkan Soal Selidik



Sumber: Soal Selidik Peserta TKPM

3.4.5.2. Berdasarkan **Carta 3.2**, masalah serangan penyakit dan musuh tanaman merupakan masalah utama peserta. Bagi mengatasi masalah tersebut, Jabatan telah mewujudkan *Visiting Agent* untuk menjalankan siasatan dan penyelidikan terhadap serangan penyakit serta mencari alternatif penyelesaian. Jabatan juga telah mengambil tindakan memasang pagar, menggali parit, membina perangkap binatang liar dan mengadakan operasi memburu dengan bantuan RELA bagi mengatasi masalah musuh tanaman. Contoh penyakit dan musuh tanaman seperti di **Gambar 3.9** hingga **Gambar 3.12**.

Gambar 3.9
Penyakit Tanaman - Bintik Algae



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TKPM Selandar
Tarikh: 5 Januari 2011

Gambar 3.10
Buah Mangga Yang Rosak Disebabkan Musuh Tanaman- Kesan Larva Pengorek Buah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TKPM Selandar
Tarikh: 5 Januari 2011

Gambar 3.11
Musuh Tanaman - Lalat Buah



Sumber: Pakej Teknologi Mangga,
Jabatan Pertanian Melaka
Lokasi: TKPM Selandar

Gambar 3.12
Musuh Tanaman - Kumbang Pengorek Buah



Sumber: Pakej Teknologi Mangga,
Jabatan Pertanian Melaka
Lokasi: TKPM Selandar

3.4.5.3. Selain itu, peserta juga menghadapi masalah kekurangan pekerja untuk menguruskan tanaman. Pekerja tempatan kurang berminat bekerja di sektor pertanian manakala pengambilan pekerja asing pula melibatkan kos yang tinggi. TKPM Selandar telah menyediakan 10 buah kolam dan pam air bagi membantu peserta mendapat bekalan air untuk disalurkan ke kawasan tanaman. Peserta tidak dapat mengadakan saliran air ke kawasan tanaman kerana tidak mampu membiayai kos pemasangan paip. Sejumlah 22% responden mengharapkan bantuan membiayai kos tersebut dari Jabatan. Contoh kemudahan kolam air dan pam air yang disediakan seperti di **Gambar 3.13** dan **Gambar 3.14**.

Gambar 3.13
Kolam Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TKPM Selandar
Tarikh: 14 Oktober 2010

Gambar 3.14
Pam Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TKPM Selandar
Tarikh: 14 Oktober 2010

Pada pendapat Audit, matlamat Program TKPM tidak tercapai adalah disebabkan pelbagai masalah yang dihadapi oleh peserta.

3.4.6. Pemantauan

3.4.6.1. Jabatan telah membuat pemantauan melalui *Visiting Agent* yang dilantik di kalangan pegawai pertanian bagi mengawasi pelaksanaan aktiviti TKPM. *Visiting Agent* akan membuat lawatan dari semasa ke semasa untuk menilai kemajuan projek serta melaporkan perkara yang perlu diambil tindakan oleh Pengurus Projek. Pada tahun 2008 hingga 2010, sebanyak 10 laporan daripada *Visiting Agent* telah diambil tindakan.

3.4.6.2. Selain itu, Jawatankuasa Pemantauan Projek TKPM di peringkat negeri juga bertanggungjawab memantau prestasi, kemajuan serta masalah pelaksanaan projek. Pemantauan dari masa ke semasa sentiasa dilakukan Pengurus Projek bagi memastikan pelaksanaan dilakukan mengikut perancangan. Pengurus Projek juga telah menyediakan Laporan Kemajuan Bulanan dan Laporan Pendapatan Peserta pada setiap bulan. Laporan kemajuan projek TKPM juga dipantau di peringkat Ibu pejabat berkaitan status kemajuan projek serta isu dan masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan projek dan tindakan yang boleh diambil untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pengurus projek.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dibuat oleh Jabatan terhadap pelaksanaan projek adalah baik.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan dan menambah baik pengurusan program TKPM, Jabatan disyorkan mengambil langkah-langkah berikut:

3.5.1. Jabatan perlu memastikan peserta memberikan komitmen terhadap pengurusan ladang yang baik dengan memberi latihan, menyediakan program motivasi dan pendedahan kepada teknologi terkini.

3.5.2. Jabatan perlu memastikan pewartaan dibuat sebagaimana dipersetujui dalam Memorandum Persefahaman bagi menjaga kepentingan projek.

3.5.3. Menambah syarat perjanjian berkaitan obligasi peserta dengan menetapkan tunggakan sewa perlu dijelaskan sekiranya mereka disingkirkan/menarik diri dari menyertai program tersebut.

3.5.4. Jabatan perlu mengambil tindakan proaktif dalam mengutip tunggakan sewa daripada peserta yang sedia ada dan disingkirkan.

3.5.5. Memberi galakan yang berterusan dan bantuan teknikal kepada peserta untuk mendapatkan pensijilan SALM supaya produk yang dihasilkan berkualiti dan berdaya saing di pasaran tempatan dan global.

PERBADANAN PEMBANGUNAN SUNGAI DAN PANTAI MELAKA

4. PENGURUSAN MELAKA RIVER CRUISE

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka (Perbadanan) telah ditubuhkan pada 1 Jun 2005 di bawah Enakmen Perbadanan Sungai Dan Pantai Melaka Tahun 2005. Antara objektif penubuhan Perbadanan adalah untuk mentadbir dan mengurus pembangunan sungai dan pantai di Negeri Melaka secara sistematik bagi pihak Kerajaan Negeri. Bagi tujuan tersebut Perbadanan telah merancang, menyelaras, mengurus, memulihara, membangun dan mempromosikan pembangunan dan sistem pengangkutan bagi tujuan pemuliharaan, pelancongan dan perdagangan. Unit Melaka River Cruise (MRC) telah diwujudkan di bawah pentadbiran Perbadanan yang diketuai oleh seorang Pengurus dan dibantu oleh 38 kakitangan kontrak.

4.1.2. MRC mula beroperasi pada 18 Februari 2006. Sehingga Disember 2010, MRC mempunyai 40 buah bot yang terdiri daripada 6 buah bot dengan muatan 20 penumpang dan 34 buah bot dengan muatan 40 penumpang serta mempunyai 34 orang jurumudi. Kos perolehan keseluruhan bot tersebut adalah berjumlah RM3.87 juta. Jarak operasi bot MRC adalah 9 kilometer bermula di Taman Rempah hingga ke Muara Sungai Melaka dan terdapat 10 jeti di sepanjang laluan untuk kemudahan penumpang.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan MRC telah diurus dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif penubuhannya.

4.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek pengurusan MRC bagi tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan memeriksa rekod, fail, laporan, perjanjian, minit mesyuarat dan dokumen yang berkaitan. Selain itu, lawatan ke kawasan perkhidmatan MRC, temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang bertanggungjawab turut dilakukan untuk mendapatkan pengesahan.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Oktober 2010 mendapati pada keseluruhannya pengurusan MRC adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan. Antaranya ialah bot tidak didaftar dan dilesenkan, bot tidak diinsurangkan, perbelanjaan penyenggaraan dibayar 2 kali, stor simpanan minyak petrol tidak sesuai, hasil kutipan lewat dibankkan dan *wristband* tiada nombor siri. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

4.4.1. Kelemahan Pengurusan Bot

4.4.1.1. Bot Tidak Didaftar Dan Dilesenkan

- a. Mengikut Seksyen 474 MSO, *Merchant Shipping Ordinance* (MSO) Tahun 1952, menyatakan setiap bot yang beroperasi melalui sungai dalam perairan negeri hingga ke perairan persekutuan bagi tujuan perniagaan atau perdagangan termasuk membawa penumpang atau kargo hendaklah dilesenkan dengan Jabatan Laut Malaysia dan diperbaharui setiap tahun. Kegagalan memiliki lesen bot atau beroperasi tanpa lesen yang sah atau selain daripada tujuan yang dibenarkan atau bercanggah dengan syarat-syarat lesen boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM1,000.

- b. Semakan Audit mendapati 9 buah bot penumpang yang dibeli antara bulan Mei hingga September 2009 masih belum didaftar dan dilesenkan. Bot-bot ini telah beroperasi tanpa lesen yang sah untuk tempoh 13 hingga 17 bulan. Hasil teguran Audit, Perbadanan telah mengambil tindakan dan kesemua 9 buah bot tersebut telah dilesen dan didaftarkan pada 1 November 2010.

4.4.1.2. Bot Tidak Di Insurangkan

Setiap bot hendaklah mempunyai insuran tanggungan awam bagi melindungi hak penumpang dan insuran bot (*marine hull insurance*) bagi melindungi bot tersebut daripada kebakaran, kerosakan, perlenggaran dan sebagainya. Perbadanan telah melantik Perbadanan Melaka Holdings Sdn. Bhd. sebagai agen insuran untuk menguruskan proses insuran bot penumpang MRC. Semakan Audit mendapati, 28 daripada 40 buah bot tidak diinsurangkan. Selepas teguran Audit, pihak Perbadanan memaklumkan kesemua 28 buah bot penumpang ini telah diinsurangkan pada 1 Mac 2011. Namun pihak Audit tidak dapat membuat pengesahan kerana dokumen sokongan tidak dikemukakan.

4.4.1.3. Insuran Bot Diperbaharui Walaupun Bot Telah Rosak

Semakan Audit mendapati Bot Tun Teja telah diinsurangkan untuk tempoh 8 Julai 2009 hingga 29 Julai 2011 dengan bayaran premium berjumlah RM3,464 walaupun telah rosak sejak awal tahun 2009. Perbadanan memaklumkan insuran bot perlu diperbaharui walaupun rosak bagi tujuan kesinambungan perlindungan dan tuntutan insuran selepas bot dibaik pulih. Keadaan bot Tun Teja yang rosak adalah seperti di **Gambar 4.1**.

Gambar 4.1
Bot Tun Teja Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Bengkel MRC

Tarikh: 23 Oktober 2010

Pada pendapat Audit, pengurusan bot adalah tidak memuaskan kerana terdapat bot yang tidak didaftar, dileSEN dan diinsurANKAN. Perbadanan juga didapati menginsurANKAN bot yang telah rosAK.

4.4.2. Kos Penyenggaraan Bot Dibayar 2 Kali

4.4.2.1. Apa-apa bayaran yang disahkan mengakibatkan pembayaran 2 kali adalah merupakan *improper payment* dan pegawai yang menyebabkan berlaku *improper payment* boleh diambil tindakan surcaj mengikut Seksyen 18(b) Akta Acara Kewangan 1957.

4.4.2.2. Semakan Audit terhadap baucar bayaran penyenggaraan bot MRC pada tahun 2009 mendapati pembekalan aksesori bagi bot Puteri Hang Li Po dan Hang Lekir telah dibayar sebanyak 2 kali berjumlah RM12,312. Perbadanan telah mengeluarkan 2 pesanan tempatan yang berasingan bagi inbois yang sama untuk bot tersebut. Butiran mengenai bayaran 2 kali tersebut seperti di **Jadual 4.1**. Perbadanan memaklumkan perkara ini telah dikenal pasti dan surat telah dihantar ke syarikat pembekal pada 16 April 2010. Pihak syarikat telah mengakui kesilapan tersebut dan pengurangan bayaran penyenggaraan telah dibuat bagi tuntutan inbois seterusnya. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan pengurangan tersebut kerana tiada dokumen sokongan dikemukakan.

Jadual 4.1
Kos Penyenggaraan Bot Dibayar 2 Kali

Bot	Tarikh Bayaran	Nilai (RM)	No/Tarikh Inbois	No. Pesanan Tempatan	No. Baucar
Puteri Hang Li Po	9.11.2009	3,078	720	AE795283	V200907/0125
	8.1.2010	3,078	(14.7.09)	AE794839	V200912/0057
Hang Lekir	31.7.2009	3,078	722	AE795824	V200907/0124
	8.1.2010	3,078	(14.7.09)	AE794840	V200912/0075
Jumlah		12,312			

Sumber: Fail Baucar Bayaran Perbadanan

Pada pendapat Audit, Perbadanan perlu mengenal pasti sama ada wujud unsur-unsur kecuaian atau penyelewengan terhadap kes bayaran 2 kali.

4.4.3. Alat Kelengkapan Dan Keselamatan Bot

Bagi menjamin keselamatan penumpang, setiap bot hendaklah disediakan dengan alat kelengkapan keselamatan yang mencukupi mengikut spesifikasi dan peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Laut Malaysia seperti jaket keselamatan, alat pemadam kebakaran dan *life buoy*. Lawatan Audit mendapati jaket keselamatan ada disediakan tetapi penumpang bot tidak diarah untuk memakainya. Jurumudi menyatakan terdapat penumpang yang tidak selesa memakai jaket keselamatan. Hasil teguran Audit, semua bot penumpang telah dilengkarkan dengan jaket keselamatan dan jurumudi akan memaklumkan kepada penumpang untuk memakainya sebelum perjalanan dimulakan. Penumpang yang tidak memakai jaket keselamatan seperti di **Gambar 4.2**.

Gambar 4.2
Penumpang Tidak Memakai Jaket Keselamatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Rempah Ratus
Tarikh: 23 Oktober 2010

Pada pendapat Audit, penyediaan alat kelengkapan keselamatan bot adalah memuaskan kecuali pemakaian jaket keselamatan tidak diutamakan bagi menjamin keselamatan penumpang.

4.4.4. Penyimpanan Minyak Petrol

Minyak petrol hendaklah disimpan di stor yang selamat dan tidak terdedah kepada risiko kebakaran. Lawatan Audit mendapati minyak petrol disimpan di tempat terbuka, tidak berpagar dan kawasan laluan orang awam serta tiada tanda amaran. Bagaimanapun, minyak petrol disimpan di dalam rak besi berjeriji yang berkunci. Pihak Bomba juga mengesahkan tempat penyimpanan tersebut adalah merbahaya. Tempat penyimpanan minyak petrol adalah seperti di **Gambar 4.3**.

Gambar 4.3
Tempat Penyimpanan Minyak Petrol



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Taman Rempah Ratus

Tarikh: 23 Oktober 2010

Pada pendapat Audit, tempat simpanan minyak petrol adalah tidak memuaskan kerana tidak selamat dan membahayakan orang awam.

4.4.5. Kawalan Terimaan

4.4.5.1. Kutipan Bagi Tiket Hop-On Hop-Off

- a. Tiket *Hop-On Hop-Off* (HOHO) merupakan salah satu pakej yang disediakan oleh MRC kepada penumpang untuk kemudahan naik dan turun di mana-mana jeti dan boleh dibeli secara terus daripada jurumudi di dalam bot. Ketua jurumudi akan mengambil tiket di kaunter untuk diagihkan kepada jurumudi bertugas.
- b. Semakan Audit mendapati pengambilan tiket dan penyerahan wang kutipan hasil tidak direkodkan. Semakan lanjut menunjukkan hasil kutipan jualan tiket HOHO bagi tempoh Jun hingga Disember 2010 yang diserahkan ke kaunter berbeza sejumlah RM17,970 berbanding bilangan tiket yang dikeluarkan kepada ketua jurumudi. Hasil teguran Audit, Perbadanan telah membuat penambahbaikan dengan menyediakan borang bagi penyerahan tiket, penyerahan kutipan dan pembatalan tiket. Perbezaan hasil kutipan dan bilangan tiket yang dikeluarkan adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Perbezaan Hasil Kutipan Dan Bilangan Tiket Yang Dikeluarkan
Bagi Tempoh Jun Hingga Disember 2010

Bulan	Pengambilan Tiket		Pemulangan Tiket		Hasil Sepatut Diserah (RM)	Hasil Yang Diserah (RM)	Lebihan/(Kurangan) Serahan (RM)
	Bil.	Nilai (RM)	Bil.	Nilai (RM)			
Jun	2,723	23,200	376	2,970	20,230	12,270	(7,960)
Julai	3,328	29,660	93	690	28,970	20,635	(8,335)
Ogos	2,895	26,250	12	65	26,185	28,630	2,445
September	3,660	33,400	204	1,510	31,890	32,845	955
Oktober	2,727	25,645	215	1,875	23,770	18,695	(5,075)
November	7,356	67,960	1,233	10,480	57,480	57,480	-
Disember	14,575	130,100	1,681	13,785	116,315	116,315	-
Jumlah		336,215		31,375	304,840	286,870	(17,970)

Sumber: Fail Serahan Tiket HOHO Dan Fail Kutipan Jualan Harian

4.4.5.2. Hasil Jualan Tiket Digunakan Untuk Perbelanjaan Tunai

- Arahan Perbendaharaan 78(a) menyatakan semua pungutan yang diterima perlu dimasukkan ke dalam bank pada hari tersebut atau pada hari berikutnya sekiranya pungutan tersebut lewat diterima. Semakan Audit mendapati hasil jualan tiket sehingga tahun 2008 telah direkodkan secara manual dan sebagiannya digunakan untuk perbelanjaan tunai. Bagaimanapun mulai tahun 2009 sistem *e-Ticketing* telah digunakan di mana laporan hasil dapat dijana bagi mengetahui jumlah kutipan hasil yang diperoleh bagi sesuatu tempoh.
- Semakan Audit selanjutnya terhadap rekod kutipan pada 31 Mei 2010, 1 Jun 2010 dan 5 Jun 2010 mendapati hasil kutipan berjumlah RM43,867 digunakan untuk perbelanjaan tunai semasa Pesta Sungai Melaka walaupun telah menggunakan sistem *e-Ticketing*. Perbadanan memaklumkan, hasil tunai jualan tiket digunakan untuk pembelian yang penting sahaja dan setiap pengambilan tunai perlu mengisi borang serahan dan terimaan serta resit perlu dilampirkan bagi setiap pembelian. Butiran lanjut hasil jualan tiket digunakan untuk perbelanjaan tunai seperti di Jadual 4.3.

Jadual 4.3
Hasil Jualan Tiket Digunakan Untuk Perbelanjaan Tunai

Tarikh	Jumlah Kutipan (RM)	Jumlah Dimasukkan Ke Bank (RM)	Digunakan Untuk Perbelanjaan Tunai (RM)
31.5.2010	7,137	287	6,850
1.6.2010	5,814	414	5,400
5.6.2010	35,995	4,378	31,617
Jumlah	48,946	5,079	43,867

Sumber: Rekod Perbadanan

4.4.5.3. Pengeluaran *Wristband*

Wristband merupakan tiket yang membolehkan penumpang menggunakan perkhidmatan bot tanpa had untuk tempoh sehari. *Wristband* dijual dengan harga RM20 untuk dewasa

dan RM10 untuk kanak-kanak dan mempunyai 7 warna mengikut hari dalam seminggu. Semakan Audit mendapati *wristband* tidak mempunyai nombor siri dan tiada cetakan harga untuk membezakan *wristband* dewasa dan kanak-kanak. Bagaimanapun harga *wristband* ditulis secara manual. Selain itu, daftar stok *wristband* dan rekod hasil jualan tidak diselenggarakan menyebabkan jumlah sebenar kutipan berbanding *wristband* yang telah dijual tidak dapat disahkan. Hasil teguran Audit, Perbadanan telah mengambil tindakan dengan mencetak tiket *wristband* yang lebih berkualiti serta mempunyai nombor siri bagi tujuan kawalan. Contoh *wristband* adalah seperti di **Gambar 4.4**.

Gambar 4.4
Contoh Wristband



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Rempah Ratus
Tarikh: 23 Oktober 2010

4.4.5.4. Kawalan Keselamatan Kutipan Hasil

- Pegawai Pengawal hendaklah memastikan ciri-ciri keselamatan pengurusan kutipan wang berada pada tahap yang munasabah. Lawatan Audit ke Taman Rempah Ratus pada bulan Oktober 2010 mendapati sebuah kabin digunakan sebagai kaunter tiket. Dua orang pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengeluaran tiket dan penerimaan hasil telah ditempatkan di kabin tersebut. Terdapat satu peti besi khas yang diletakkan di dalam bilik kabin yang berkunci. Segala kutipan hasil jualan tiket dimasukkan ke dalam plastik *Cash In Transit* (CIT) yang mempunyai nombor siri sebelum disimpan di dalam peti besi tersebut. Pegawai yang memasukkan duit ke dalam peti besi perlu merekodkan nombor siri plastik berkenaan ke dalam Daftar CIT.
- Pemerhatian Audit mendapati, kabin tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan kerana kunci bilik peti besi hanya digantung pada dinding kabin manakala kunci mesin juruwang ditinggalkan di mesin berkenaan walaupun selepas waktu bekerja. Selain daripada itu, kabin tidak dilengkapi dengan kamera litar tertutup dan tiada pengawal keselamatan. Perbadanan memaklumkan kunci bilik peti besi diletak ditempat yang dikhaskan untuk memudahkan pegawai bertugas mengambil tiket dan barang-barang lain yang juga disimpan dalam bilik tersebut. Bagi tujuan kawalan, satu buku daftar telah disediakan bagi merekodkan keluar masuk pegawai ke dalam bilik peti besi.

Pada pendapat Audit, kawalan terimaan adalah tidak memuaskan kerana borang hasil tidak dikawal, rekod tidak diselenggarakan, hasil kutipan digunakan untuk perbelanjaan tunai dan kutipan hasil tidak selamat.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan MRC dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, Perbadanan disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

- 4.5.1. Perbadanan hendaklah memastikan setiap bot penumpang didaftar dan dilesenkan, mempunyai insuran dan sijil penumpang serta mewajibkan pemakaian jaket keselamatan bagi menjamin keselamatan penumpang.
- 4.5.2. Perbadanan hendaklah mencari kawasan yang sesuai bagi stor penyimpanan minyak petrol bagi mengelakkan risiko kemalangan.
- 4.5.3. Perbadanan hendaklah memastikan semua pengeluaran tiket direkodkan dan daftar stok *wristband* diselenggara agar dapat memantau jumlah hasil jualan yang diterima.
- 4.5.4. Perbadanan hendaklah memastikan supaya hasil kutipan yang diperoleh diakaunkan dan tidak digunakan untuk perbelanjaan tunai.
- 4.5.5. Perbadanan perlu meningkatkan ciri-ciri keselamatan terhadap hasil kutipan.

SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD

5. PENGURUSAN PENGEBILAN BEKALAN AIR

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Lembaga Air Melaka ditubuhkan pada 1 Oktober 1971 di bawah Enakmen Lembaga Ayer Negeri Melaka Tahun 1971. Lembaga Air Melaka telah diperbadankan pada 1 September 1993 dan ditukar nama kepada Perbadanan Air Melaka (PAM). Mulai 1 Julai 2006, PAM telah dikorporatkan dan dikenali sebagai Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB). Tanggungjawab utama SAMB adalah menyediakan perkhidmatan rawatan dan pengagihan air bersih ke seluruh Negeri Melaka. Sumber hasil utama SAMB adalah daripada caj bil air kepada pengguna. Sebagai entiti yang bertanggungjawab memastikan semua pengguna mendapat bekalan air yang bersih dan selamat serta mengikut piawaian maka pengurusan pengebilan yang sempurna dan bersistematis dapat membantu meningkatkan hasil dan mengurangkan tunggakan kutipan. Sehingga Disember 2010, terdapat 243,921 akaun pengguna yang masih aktif.

5.1.2. Bagi melicinkan proses pengebilan, Bahagian *Billing* di bawah Jabatan Kewangan SAMB telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan segala hal mengenai bil dan juga meter. Bahagian *Billing* menguruskan pengeluaran dan pengedaran bil air kepada pengguna mengikut jadual serta mengemas kini data yang berkaitan.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengebilan di SAMB telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

5.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aktiviti pengeluaran bil, kutipan hasil, cagaran air, tunggakan hasil, perkhidmatan pelanggan dan aduan, penguatkuasaan serta pencapaian sistem pengebilan di Ibu Pejabat SAMB bagi tahun 2007 hingga 2010. Kaedah pengauditan dilakukan dengan menyemak rekod, dokumen, penyata dan laporan yang berkaitan. Selain itu, analisis data menggunakan perisian *Audit Command Language* (ACL), temu bual dan lawatan fizikal di 3 kawasan iaitu Melaka Tengah, Merlimau dan Alor Gajah.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pada keseluruhannya pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati pengurusan pengebilan bekalan air oleh SAMB adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat kelemahan yang perlu diberi perhatian bagi memastikan pengurusan pengebilan diuruskan dengan baik. Antara kelemahan yang wujud adalah kesilapan menetapkan caj kod tarif, meter tidak ditemui dan tidak dibaca serta

penyalahgunaan pili bomba. Selain itu, cagaran tidak dikenakan, tunggakan bil yang tinggi dan melebihi setahun, pengoperasian *Automatic Meter Reading* (AMR) yang kurang berkesan, pembelian SMART meter yang merugikan dan tanpa jaminan kualiti, tindakan penguatkuasaan yang terhad dan latihan tidak mencukupi bagi pembaca meter. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

5.4.1. Penggunaan Dan Pengebilan

5.4.1.1. Kesilapan Menetapkan Caj Kod Tarif

- Jadual (Kaedah 2) Kaedah-kaedah Perbadanan Air Melaka (Bayaran Air) 2005 SAMB mengklasifikasikan kadar caj bayaran air kepada 9 kod tarif. Semakan terhadap senarai akaun pengguna dan lawatan Audit ke 10 lokasi meter yang dikenal pasti mendapati 9 akaun pengguna telah dikenakan caj kod tarif yang berbeza dengan penggunaan sebenar. Ini menyebabkan hasil terkurang caj dianggarkan berjumlah RM22,441 seperti di **Jadual 5.1**. Pihak SAMB memaklumkan pindaan tarif telah dibuat antara bulan Disember 2010 hingga April 2011.

Jadual 5.1
Kesilapan Menetapkan Kadar Tarif

Bil.	No. Akaun	Kod Tarif Air		Kurang Caj (RM)
		Dikenakan	Sepatutnya	
1.	20529645-30141714	Kediaman	Perniagaan	512
2.	20529645-30141705	Kediaman	Perniagaan	373
3.	11474489-31674478	Kerajaan	Perniagaan	2,483
4.	11474498-31674487	Kerajaan	Perniagaan	3,730
5.	11474504-31674496	Kerajaan	Perniagaan	13,842
6.	20694421-30230627	Kerajaan	Perniagaan	0
7.	20572614-30165831	Kerajaan	Perniagaan	91
8.	20548287-31935696	Kerajaan	Perniagaan	0
9.	11943543-32143530	Kerajaan	Perniagaan	1,410
Jumlah				22,441

Sumber: Data Pengguna SAMB

- Semakan Audit selanjutnya terhadap senarai akaun pengguna mendapati 3 akaun pengguna telah dikenal pasti salah dikenakan kod tarif oleh SAMB dan tindakan pembetulan kod tarif telah diambil. Bagaimanapun sehingga tarikh pengauditan pelarasan perbezaan terkurang caj berjumlah RM0.58 juta masih belum dituntut seperti di **Jadual 5.2**. Pihak SAMB memaklumkan pelarasan perbezaan terkurang caj masih belum dituntut telah dikemukakan kepada pengguna pada bulan April 2011.

Jadual 5.2
Pelarasan Perbezaan Terkurang Caj Masih Belum Dituntut

Bil.	No. Akaun	Kod Tarif Air		Kurang Caj (RM)
		Dikenakan	Sepatutnya	
1.	10491952-21191944	Kerajaan	Perniagaan	285,822
2.	10491961-21191953	Kerajaan	Perniagaan	286,858
3.	12189517-32389506	Perniagaan	Proses Air	5,825
Jumlah				578,505

Sumber: Data Pengguna SAMB

Pada pendapat Audit, penetapan kod tarif kepada pengguna kurang memuaskan kerana masih terdapat kod tarif yang berbeza dengan penggunaan sebenar. Kesilapan atau kecuaian pegawai menetapkan kod tarif pengguna telah menyebabkan SAMB telah terkurang caj.

5.4.1.2. Meter Tidak Ditemui Dan Tidak Dibaca

Para 6.1.4 Standard Prosedur Pembacaan Meter SAMB, menetapkan semua pemasangan meter baru yang melebihi 14 hari dari tarikh pemasangan hendaklah dibaca bergantung pada tarikh bacaan di lokasi. Analisis Audit terhadap akaun pengguna antara Mei hingga Oktober 2010 mendapati 460 akaun mencatatkan nilai kosong penggunaan air. Lawatan Audit ke 5 lokasi meter yang dipilih pada bulan November dan Disember 2010 mendapati 4 meter yang telah dipasang dan berstatus aktif tidak ditemui. Satu meter yang ditemui tidak pernah diambil bacaannya walaupun berhampiran dengan meter lain yang dibaca pada setiap bulan. Meter tersebut menunjukkan penggunaan air $13,317\text{m}^3$ bersamaan nilai bayaran berjumlah RM19,576. Ini disebabkan meter tersebut tidak direkodkan dalam Buku Bacaan Bulanan pembaca meter. Hasil teguran Audit, 2 akaun pengguna telah ditutup manakala 3 akaun lagi telah dibilang semula. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 5.3** manakala lokasi meter seperti di **Gambar 5.1**.

Jadual 5.3
Meter Yang Aktif Tidak Ditemui

Bil.	No Akaun	Nombor Meter	Tarikh Pasang Meter	Lokasi
1.	20692762-30229602	D10AN07636	7.7.2010	Bukit Katil, Melaka Tengah
2.	20609782-30188763	D09AN15241	24.11.2009	Muara Sungai Duyung, Melaka Tengah
3.	20373054-0206681	D09GS00017	2.2.2010	Pekan Sungai Udang, Alor Gajah
4.	20585236-30173608	D09AN145292	18.9.2009	Kota Fesyen, Ayer Keroh

Sumber: Data Pengguna SAMB

Gambar 5.1
Kedudukan Meter Yang Tidak Dibaca
Bersebelahan Meter Yang Dibaca Setiap Bulan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak Pelupusan Sampah Kerubong
Tarikh: 9 Disember 2010

Pada pendapat Audit, pembacaan meter di lokasi tidak memuaskan kerana masih terdapat meter berstatus aktif tidak ditemui dan yang tidak dibaca.

5.4.1.3. Penyalahgunaan Pili Bomba

- a. Seksyen 126(1) Akta Industri Air 2006 menetapkan tiada seorang pun selain orang yang disebut dalam subseksyen 42(1) boleh mengambil air dari suatu pili bomba. Seorang yang disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya. Caj minimum untuk kegunaan pili bomba adalah RM15 sebulan.
- b. Analisis Audit terhadap 15 akaun pengguna yang dikategorikan pili bomba mendapati bil penggunaan air bulanan menunjukkan melebihi RM15 pada setiap bulan bagi tempoh bulan Jun hingga Oktober 2010. Bil penggunaan air adalah antara RM19 hingga RM26,250. Ini menunjukkan bekalan air untuk kegunaan harian diperoleh dari pili bomba. SAMB memaklumkan pihaknya tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas penyalahgunaan pili bomba. Maklumat lanjut 15 akaun menyalahgunakan pili bomba adalah seperti di **Jadual 5.4** dan contoh pili bomba digunakan untuk keperluan harian seperti di **Gambar 5.2**.

Jadual 5.4
Penggunaan Pili Bomba Untuk Bekalan Air Harian

Bil.	Pengguna		Penggunaan Air Bulanan	
	Sektor	Bil.	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
1.	Kilang	11	22	26,250
2.	Kerajaan	2	19	401
3.	Hotel	2	628	3917
Jumlah		15		

Sumber: Rekod SAMB

Gambar 5.2
Pili Bomba Digunakan Untuk Keperluan Harian



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Tasik Utama, Ayer Keroh
Tarikh: 11 November 2010

Pada pendapat Audit, pengurusan pili bomba adalah kurang memuaskan kerana terdapat pili bomba yang digunakan untuk kegunaan harian.

5.4.2. Pengurusan Kutipan Pengebilan

5.4.2.1. Pengurusan Cagaran Air

Setiap akaun baru yang didaftar perlu membayar kadar cagaran berdasarkan kepada kategori. Kadar cagaran minimum bagi industri adalah antara RM100 hingga RM3,000. Analisis Audit terhadap data pengguna mendapati 1,930 akaun berstatus industri yang aktif tetapi tidak dikenakan bayaran cagaran. Anggaran pengiraan cagaran yang patut diterima berdasarkan kadar minimum RM100 adalah berjumlah RM0.19 juta. SAMB memaklumkan antara sebab akaun pengguna tidak dikenakan cagaran kerana data deposit yang hilang sewaktu '*data conversion*' daripada sistem lama ke sistem baru.

Pada pendapat Audit, pengurusan cagaran air adalah tidak memuaskan kerana terdapat pengguna aktif yang tidak dikenakan deposit.

5.4.2.2. Tunggakan Bil Air

- a. Merujuk kepada Seksyen 88, Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, pemegang lesen perlu mendapatkan bayaran terhadap bekalan air yang dibekalkan, perkhidmatan yang diberikan dan penyediaan perkhidmatan pembetungan dalam masa 30 hari dari tarikh penyerahan bil dan jika gagal berbuat demikian, jumlah tersebut akan didapatkan melalui tindakan sivil di mahkamah. Analisis Audit terhadap data pengguna mendapati sebanyak 111 akaun mempunyai tunggakan melebihi RM5,000 dengan tempoh melebihi 390 hari. Jumlah keseluruhan tunggakan adalah RM3.68 juta berbanding jumlah deposit hanya RM0.52 juta. Ini menunjukkan deposit yang dibayar oleh pengguna tidak dapat menampung jumlah tunggakan dan merugikan SAMB sekiranya pengguna tidak beroperasi lagi.

- b. Pihak SAMB memaklumkan akaun yang mempunyai tunggakan melebihi RM5,000 adalah merupakan akaun dorman. Mulai Jun 2009 SAMB telah mengambil tindakan undang-undang, menghantar notis kepada pengguna, memindahkan tunggakan sekiranya pengguna mempunyai akaun lain yang masih aktif dan menghapuskan baki deposit dengan tunggakan tersebut.

Pada pendapat Audit, pengurusan tunggakan adalah kurang memuaskan kerana jumlah tunggakan yang tinggi dan melebihi setahun serta melebihi deposit yang dibayar.

5.4.3. Sistem Operasi Pengurusan Pengebilian

5.4.3.1. Penggunaan Jangka Meter Automatik (AMR)

- a. Pada tahun 2009, SAMB telah membeli 18 unit jangka meter automatik (AMR) dengan kos berjumlah RM0.39 juta bagi menggantikan meter manual yang digunakan oleh pengguna berkapasiti besar. AMR membolehkan meter dibaca pada bila-bila masa tanpa ke lokasi pengguna kerana boleh diakses melalui web portal dan bacaannya adalah lebih tepat. Mengikut Manual Pengguna AMR, tempoh jaminan jangka hayat bateri adalah selama 10 tahun.
- b. Lawatan Audit ke tapak meter AMR Loji Penapisan Petronas Tangga Batu pada bulan Disember 2010 mendapati meter yang digunakan sejak bulan Januari 2010 gagal memaparkan bacaan penggunaan air kerana masalah bateri. Mengikut *Daily Summary Report* daripada portal pembekal, masalah ini berlaku sejak bulan November 2010. Meter AMR yang rosak adalah seperti di **Gambar 5.3** dan **Gambar 5.4**. SAMB memaklumkan AMR rosak akibat serangan serangga dan tindakan penyenggaraan telah diambil.

Gambar 5.3



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Loji Penapisan Petronas Tangga Batu
Tarikh: 3 Disember 2010

Gambar 5.4



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Loji Penapisan Petronas Tangga Batu
Tarikh: 3 Disember 2010

- c. Semakan Audit terhadap laporan penyenggaraan yang dikeluarkan oleh pembekal mendapati 12 buah bateri di 7 lokasi AMR tidak boleh digunakan lagi walaupun penggunaannya hanya untuk tempoh 11 hingga 14 bulan sahaja. Bagi melicinkan pengurusan pengebilan, SAMB telah menggantikan bateri tersebut dengan kos bernilai RM5,115. Pihak SAMB memaklumkan tempoh jangka hayat bateri AMR sehingga 10 tahun berdasarkan kekerapan penggunaan sekali sehari. Namun begitu kekerapan penggunaannya di SAMB adalah sehingga 15 minit sekali. Oleh itu SAMB berpendapat penggunaan bateri AMR adalah lasak dan ketahanan dalam tempoh yang munasabah.

Pada pendapat Audit, perolehan AMR adalah kurang memuaskan kerana tiada jaminan kualiti disediakan oleh pembekal dan kos penyenggaraan perlu ditanggung sendiri oleh SAMB.

5.4.3.2. Perolehan *Smart Meter*

Bagi menangani masalah meter di bawah bacaan. SAMB telah menggunakan *Smart meter* yang boleh merakamkan isi padu air secara tepat. *Smart meter* juga berupaya dibaca secara jarak jauh dengan menggunakan ‘*induction pads*’ atau radio. Mulai bulan April 2008, SAMB telah melantik pembekal untuk membekal dan memasang 5,000 unit *Smart meter* dengan nilai RM0.66 juta. *Smart meter* tersebut telah diagihkan mengikut kawasan iaitu sebanyak 3,000 unit di Melaka Tengah dan Bandar, 1,000 unit di Jasin dan Merlimau dan 1,000 unit lagi Alor Gajah. Analisis Audit mendapati sehingga bulan Ogos 2010 hanya 2,916 daripada 5,000 unit *Smart meter* atau 58.3% masih berstatus aktif. Ini menunjukkan *Smart meter* yang mula digunakan sejak bulan April 2008 adalah kurang berkualiti kerana hanya mampu bertahan bagi tempoh 2 tahun. Berdasarkan semakan terkini SAMB pada bulan Mac 2011, bilangan *Smart meter* berstatus aktif adalah 155 unit manakala 4,820 unit telah dihentikan penggunaannya. Baki sebanyak 25 unit lagi masih belum diketahui dan sedang dikesan. Mulai tahun 2010, SAMB tidak lagi menggunakan *Smart meter* kerana penggunaannya tidak ekonomik dan menimbulkan banyak masalah teknikal. Contoh *Smart meter* seperti di **Gambar 5.5** dan **Gambar 5.6**.

Gambar 5.5
Smart Meter Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Perindustrian Cheng, Melaka
Tarikh: 15 November 2010

Gambar 5.6
Smart Meter Dalam Keadaan Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Perindustrian Cheng, Melaka
Tarikh: 15 November 2010

Pada pendapat Audit, perolehan *Smart* meter adalah satu pembaziran kerana jangka hayat penggunaannya yang singkat.

5.4.4. Penguatkuasaan Dan Pemotongan Bekalan Air

Berdasarkan Seksyen 147(1) dan 163(1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, hanya pegawai dari Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dibenarkan untuk menjalankan tugas penguatkuasaan. Pihak SAMB tidak mempunyai sebarang kuasa dalam mengeluarkan kompaun ke atas kesalahan mengambil air secara haram. Tindakan penguatkuasaan termasuk tangkapan atau pendakwaan di mahkamah terhadap pesalah curi air hanya boleh dilakukan oleh pihak SPAN. Mengikut rekod sepanjang tahun 2010, pihak SPAN hanya menjalankan tindakan penguatkuasaan di SAMB sebanyak 2 kali berbanding 694 kes yang dilaporkan atas kesalahan pengambilan air secara haram.

Pada pendapat Audit, pihak SAMB dan SPAN perlu bekerjasama dalam penguatkuasaan dan kes-kes kecurian air.

5.4.5. Keperluan Latihan

Perancangan keperluan latihan adalah penting bagi memastikan sesuatu aktiviti pengurusan pengebilian dapat dilaksanakan dengan berkesan. Latihan yang berkaitan hendaklah diberikan kepada kakitangan secara berterusan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta kecekapan semasa menjalankan tugasannya berkaitan pengebilian. Selain itu latihan dari aspek rohani juga diperlukan bagi memastikan setiap kakitangan dapat menjalankan tugas mereka dengan dedikasi dan amanah. Pelaksanaan kursus bagi pembaca meter adalah amat penting kerana mereka merupakan penggerak utama bagi SAMB dalam mengeluarkan bil air. Sehingga tahun 2010 bilangan pembaca meter adalah seramai 68 orang. Semakan Audit bagi tempoh tahun 2007 hingga 2010 mendapati pembaca meter ini tidak pernah dihantar untuk sebarang kursus berkaitan pengurusan

pengebilhan. SAMB mengakui tiada latihan khusus berkaitan pembacaan meter diberikan kepada kakitangan Bahagian *Billing* dalam tahun 2010. Bagaimanapun SAMB telah menghantar 59 kakitangan Bahagian *Billing* untuk mengikuti kursus-kursus umum bagi tahun 2010.

Pada pendapat Audit, keperluan latihan adalah kurang memuaskan kerana tiada kursus/latihan yang berkaitan pengurusan pengebilan diberikan kepada pembaca meter.

5.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan pengebilan air, adalah disyorkan SAMB mengambil tindakan berikut:

- 5.5.1. Memastikan caj kod tarif yang dikenakan selaras dengan kod tarif penggunaan sebenar.
- 5.5.2. Semua daftar akaun pengguna hendaklah sentiasa dikemas kini.
- 5.5.3. Pembaca meter hendaklah melaporkan meter yang tiada dalam buku bacaan bulanan dan sebarang penyalahgunaan bekalan air.
- 5.5.4. Memastikan pengguna membayar deposit sebelum penyambungan meter dilakukan dan mengikut kadar yang ditetapkan.
- 5.5.5. Kajian terhadap kualiti dan daya ketahanan meter hendaklah dilakukan dan memastikan perolehan mempunyai jaminan kualiti.
- 5.5.6. Pihak SPAN perlu menurunkan kuasa kepada SAMB atau menempatkan pegawainya supaya aktiviti penguatkuasaan dapat dijalankan dengan berkesan.

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI MELAKA

6. PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN

6.1. Program Pembangunan Industri Ternakan (PIT) merupakan salah satu program di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka (Jabatan). Objektif Program PIT adalah menjadikan Negeri Melaka sebagai sebuah negeri bebas penyakit zoonotik dan eksotik, menentukan bekalan domestik daging dan telur ayam mencukupi dan untuk pasaran eksport serta keperluan industri pemprosesan, mempergiatkan pengeluaran daging lembu/kerbau, kambing/bebiri dan susu segar untuk pasaran domestik, dan menjadikan Negeri Melaka sebagai pusat Makanan Halal Antarabangsa. Di bawah program ini, Jabatan telah melaksanakan 3 aktiviti iaitu Pemesatan Perkhidmatan Veterinar, Pengembangan Veterinar dan Kawalan Penyakit. Jabatan telah menerima peruntukan sejumlah RM8.66 juta dalam Rancangan Malaysia Ke 9 (RMKe-9).

6.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2010 adalah untuk menilai sama ada program PIT telah dilaksanakan dengan baik dan cekap bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Skop pengauditan dijalankan dari tahun 2008 hingga 2010 dengan menyemak dokumen di peringkat ibu pejabat dan daerah, temu bual dan lawatan ke tapak projek. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

6.2.1. Sesuatu program yang dilaksanakan perlulah mempunyai sasaran agar boleh dinilai tahap keberkesanannya. Salah satu objektif program PIT adalah menentukan bekalan daging dan telur ayam untuk pasaran tempatan adalah mencukupi. Semakan Audit mendapati Jabatan tidak menyediakan sasaran keperluan penggunaan ternakan yang diperlukan bagi tahun 2008 hingga 2010. Bagaimanapun, pengeluaran komoditi ternakan bagi tempoh yang sama menunjukkan peningkatan seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Pengeluaran Komoditi Ternakan Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Bil.	Komoditi	Kuantiti Pengeluaran (Biji/Tan Metrik)		
		2008	2009	2010
1.	Telur Ayam	2,491,833,108	2,659,799,985	2,627,482,799
2.	Daging Ayam Pedaging	47,038	53,487	57,907
3.	Daging Lembu/Kerbau	4,248	5,793	7,863
4.	Daging Kambing/Bebiri	484	594	816

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka

6.2.2. Semakan Audit mendapati Jabatan telah menyalurkan sejumlah RM1.57 juta kepada 103 orang penternak dalam bentuk bantuan bahan binaan kandang lembu/kambing dan reban ayam bagi meningkatkan bilangan ternakan. Jabatan juga tidak menyediakan garis panduan khusus berkaitan pemberian bantuan di bawah program PIT. Selain itu, Jabatan tidak menyediakan sasaran bagi mengukur pencapaian bilangan ternakan dari penternak yang telah menerima bantuan. Semakan Audit mendapati 4 daripada 103 penternak yang

menerima bantuan tidak lagi meneruskan program PIT kerana bertukar ke bidang perniagaan lain. Hasil teguran Audit, Garis Panduan Permohonan Bantuan Kandang Dan Reban Ayam dan Borang Aku Janji Bantuan Infrastruktur Kandang telah disediakan mulai tahun 2011.

6.2.3. Penternak yang menerima bantuan bahan binaan perlu membina kandang lembu mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati spesifikasi pelan binaan tidak dibekalkan kepada penternak. Lawatan Audit ke 3 lokasi kandang lembu mendapati pembinaan kandang dibina tidak mengikut spesifikasi seperti di **Gambar 6.1** hingga **Gambar 6.3**.

Gambar 6.1
Ruangan *Travis* Untuk Rawatan
Ternakan Tidak Dibuat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Masjid Tanah, Alor Gajah
Tarikh: 1 November 2010

Gambar 6.2
Tiang Penyokong Di Bahagian Tengah Tiada
Menyebabkan Atap Zink Patah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Alor Gajah
Tarikh: 28 Oktober 2010

Gambar 6.3
Paluh Makanan Lembu
Yang Tidak Berbunga



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Melaka Tengah
Tarikh: 5 Januari 2011

6.2.4. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2008 hingga 2010, Jabatan ada menganjurkan program latihan dan khidmat nasihat kepada penternak bagi mempercepatkan proses transformasi kepada penternakan bertaraf komersil dan moden. Bagaimanapun laporan latihan dan khidmat nasihat tidak disediakan oleh Jabatan. Jabatan juga tidak menyediakan jadual pemantauan berkala ke ladang ternakan namun lawatan akan dibuat sekiranya terdapat aduan daripada penternak.

6.2.5. Taman Pengeluaran Chincin di Daerah Jasin dengan keluasan 28.86 hektar dibangunkan untuk aktiviti penternakan dengan kemudahan padang ragut, stor dan kandang lembu dan kambing. Pada tahun 2006, taman tersebut telah disewakan kepada 2 pengusaha. Semakan Audit mendapati perjanjian sewa tidak disediakan dan kadar sewa tidak dikenakan kepada pengusaha.

6.3. Secara keseluruhannya, pelaksanaan Program Pembangunan Industri Ternakan adalah memuaskan tetapi masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Jabatan mengambil tindakan menyediakan sasaran keperluan penggunaan ternakan, sasaran pengeluaran ternakan, menetapkan sasaran bilangan penternak, membekalkan pelan lukisan kandang lembu, menetapkan kadar sewa dan perjanjian dan menyediakan jadual pemantauan berkala.



BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI



BAHAGIAN II **PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

7. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957, memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 Pindaan 2009 telah diwartakan bagi membolehkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Pada tahun 2010, Jabatan Audit Negara telah memilih untuk mengaudit syarikat Kumpulan Melaka Berhad dan syarikat Perbadanan Melaka Holdings Sdn. Bhd.

PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA

8. KUMPULAN MELAKA BERHAD

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Kumpulan Melaka Berhad (KMB) ditubuhkan pada 25 Februari 1995 dengan modal dibenarkan berjumlah RM200 juta dan modal berbayar berjumlah RM16 juta. KMB dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI). Aktiviti utama KMB adalah sebagai juru perunding dalam bidang pembangunan harta tanah dan pembinaan serta melaksanakan projek secara usaha sama. KMB turut membuat pelaburan dalam anak syarikat. Objektif penubuhan KMB adalah seperti berikut:

- 8.1.1.1. Mempromosi pembangunan komersial, pelancongan, dan sosioekonomi Negeri Melaka.
- 8.1.1.2. Melaksanakan peranan sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan bagi mempromosikan penyertaan bumiputera dalam perdagangan dan industri pelancongan.
- 8.1.1.3. Menyediakan modal bagi membangun syarikat yang diasaskan di Melaka dalam penggunaan teknologi yang tinggi serta memberi nilai tambah untuk digabungkan.
- 8.1.1.4. Pemangkin bagi pembangunan korporat serta menjana hubungan strategik dengan syarikat untuk pembangunan ekonomi Negeri Melaka/Kumpulan Melaka Berhad.

8.1.2. Pada tahun 2010, KMB dianggotai 8 orang Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Ketua Menteri Melaka sebagai Pengerusi, Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Timbalan Pengerusi dan 6 orang ahli yang terdiri daripada Penasihat Undang-undang

Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka serta 3 orang ahli perniagaan. Pengurusan KMB diketuai oleh Ketua Pegawai Operasi dan dibantu oleh 19 orang kakitangan pentadbiran. Pengurusan KMB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Tatacara Syarikat/Undang-undang Tubuh syarikat, Pekeliling Perbendaharaan serta Surat Arahan Perbendaharaan berkaitan syarikat yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan KMB memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

8.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tahun 2008 hingga 2010 dengan tujuan untuk menentukan sama ada wang yang disumbangkan oleh Kerajaan/Agenzi Kerajaan telah diurus dan digunakan dengan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan. Sementara analisis maklumat kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2007 hingga 2009. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen lain yang berkaitan serta pemeriksaan fizikal aset. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai KMB juga dijalankan.

8.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2010 mendapati KMB memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut dari tahun kewangan 2007 hingga 2009. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti masalah tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri dan tunggakan hasil sewaan bagi projek Menara Taming Sari, pengurusan pinjaman dan pendahuluan bagi projek Melaka International Bowling Centre yang tidak memuaskan dan pelaburan KMB dalam syarikat subsidiari/bersekutu/pelaburan yang dorman dan mengalami kerugian. Dividen juga tidak diisyiharkan walaupun KMB memperoleh keuntungan. Selain itu, terdapat juga kelemahan dalam tadbir urus korporat seperti pungutan hasil tidak dibankkan dengan segera, pungutan tunai digunakan sebagai Panjar Wang Runcit, *Standard Operating Procedure* pengurusan hasil tidak disediakan dan pengurusan pendahuluan kepada syarikat subsidiari dan bersekutu tidak dipantau. Penjelasan lanjut berhubung prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat KMB adalah seperti berikut:

8.4.1. Prestasi Kewangan

8.4.1.1. Analisis Trend

- a. KMB memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2007 hingga 2009 masing-masing berjumlah RM739, RM1.75 juta dan RM0.39 juta. Peningkatan sebanyak

RM1.75 juta (100%) pada tahun 2008 berbanding 2007 disebabkan pengurangan belanja pentadbiran dan operasi sejumlah RM0.74 juta (22.4%) iaitu daripada RM3.31 juta kepada RM2.57 juta. Manakala, keuntungan sebelum cukai pada tahun 2009 didapati menurun kepada RM0.39 juta disebabkan peningkatan ke atas belanja pentadbiran dan operasi pada tahun 2009 yang berjumlah RM4.88 juta berbanding RM2.57 juta pada tahun 2008.

- b. Pendapatan utama KMB adalah daripada pengurusan projek, sewaan lot perniagaan dan ruang pejabat. Pendapatan projek KMB menurun setiap tahun kerana bayaran daripada hasil projek diterima secara berperingkat dan bayaran tertinggi adalah pada tahun 2007. Pendapatan sewaan meningkat kerana jumlah penyewa lot perniagaan di Dataran Pahlawan telah bertambah daripada 9 penyewa pada tahun 2007 kepada 33 penyewa pada tahun 2009. Secara keseluruhannya, prestasi pendapatan utama KMB bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah kurang memuaskan kerana pendapatan semakin menurun pada setiap tahun. Walau bagaimanapun, prestasi pendapatan sewaan adalah baik.
- c. Analisis Audit mendapati perbelanjaan KMB terdiri daripada kos pengurusan projek, belanja pentadbiran, operasi dan belanja pembiayaan. Hasil analisis menunjukkan berlaku pengurangan perbelanjaan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 disebabkan penurunan ketara dalam kos pengurusan projek sejumlah RM30.03 juta kepada RM7.51 juta.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung bersih KMB bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Pendapatan Dan Perbelanjaan Serta Untung Bersih
Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009


Butiran	Tahun		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Pendapatan Utama	33.05	16.83	12.38
Kos Pengurusan Projek	(30.03)	(12.51)	(7.51)
Untung Kasar	3.02	4.32	4.87
Lain-lain Pendapatan	0.33	0.08	0.49
Jumlah Pendapatan	3.35	4.40	5.36
Belanja Pentadbiran dan Operasi	(3.31)	(2.57)	(4.88)
Untung Operasi	0.04	1.83	0.48
Belanja Pembiayaan	(0.04)	(0.08)	(0.09)
Untung Sebelum Cukai	*0.00	1.75	0.39
Cukai	0.02	(0.47)	(0.31)
Untung Bersih	0.02	1.28	0.08

Sumber: Penyata Kewangan KMB

Nota: * Untung sebelum cukai bagi tahun 2007 hanya sejumlah RM739

- e. Trend pendapatan, perbelanjaan dan untung sebelum cukai KMB bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Carta 8.1**.

Carta 8.1
Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Sebelum Cukai KMB
Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan KMB

8.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan KMB, beberapa nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan KMB bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 8.2**.

Jadual 8.2
Analisis Nisbah Kewangan KMB Bagi
Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Bil.	Butiran	Tahun		
		2007	2008	2009
a.	Nisbah Semasa	0.61:1	0.33:1	0.33:1
b.	Margin Untung Bersih	*0.00%	10.40%	3.15%
c.	Pulangan Ke Atas Aset	0.0003:1	0.0276:1	0.0017:1
d.	Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.0012:1	0.0798:1	0.0053:1

Sumber: Penyata Kewangan KMB

Nota: * Margin Untung Bersih Bagi Tahun 2007 Bersamaan 0.0022%

Huraian terperinci bagi nisbah yang disenaraikan dalam **Jadual 8.2** adalah seperti berikut:

a. Nisbah Semasa

Mengikut analisis Audit, nisbah semasa KMB bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah sangat rendah di mana setiap RM1.00 liabiliti hanya mampu ditanggung oleh masing-masing 61 sen dan 33 sen nilai aset semasa. Perkara ini berlaku kerana liabiliti semasa KMB yang tinggi terutamanya pembiutang perniagaan bagi tahun kewangan 2007, 2008 dan 2009 adalah masing-masing berjumlah RM34.96 juta, RM22.44 juta dan RM27.24 juta.

b. Margin Untung Bersih

Analisis Audit mendapati setiap RM1.00 pendapatan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 memperoleh margin untung bersih yang kecil iaitu kurang daripada 10 sen. Bagaimanapun margin untung bersih meningkat pada tahun 2008 berbanding 2007 disebabkan peningkatan dalam keuntungan bersih sebelum cukai sejumlah RM1.75 juta. Manakala margin untung bersih pada tahun 2009 menurun sejumlah RM1.36 juta berbanding tahun 2008 disebabkan penurunan dalam keuntungan bersih sebelum cukai. Penyumbang utama kepada penurunan adalah disebabkan bayaran sumbangan sejumlah RM1.56 juta dan senggaraan harta sejumlah RM0.58 juta.

c. Pulangan Ke Atas Aset

Analisis Audit mendapati setiap RM1.00 nilai aset yang digunakan pada tahun 2007, 2008 dan 2009, KMB memperoleh pulangan ke atas aset yang sangat kecil iaitu kurang daripada 3 sen disebabkan peningkatan ke atas bayaran sumbangan sejumlah RM1.56 juta dan senggaraan harta sejumlah RM0.58 juta.

d. Pulangan Ke Atas Ekuiti

Analisis Audit mendapati setiap RM1.00 nilai ekuiti yang digunakan pada tahun 2007, 2008 dan 2009, KMB mendapat pulangan ke atas ekuiti iaitu kurang daripada 8 sen disebabkan peningkatan sejumlah RM2.14 juta ke atas bayaran sumbangan dan senggaraan harta.

Pada pendapat Audit, bagi tahun 2007 hingga 2009 nisbah semasa KMB adalah tidak memuaskan kerana kurang daripada kadar 2:1. Bagaimanapun, nisbah margin untung bersih, pulangan ke atas aset dan pulangan ke atas ekuiti adalah memuaskan walaupun nisbah pulangannya kecil. Secara keseluruhannya prestasi kewangan KMB berasaskan analisis nisbah memberikan gambaran yang memuaskan.

8.4.2. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya menjamin pencapaian objektif. Pengurusan aktiviti utama KMB adalah pembangunan harta tanah dan pengurusan pembinaan projek serta pelaburan dalam anak syarikat.

8.4.2.1. Menara Taming Sari

- a. Projek Menara Taming Sari telah dimulakan pada 29 Januari 2007 dan disiapkan pada 6 Disember 2007 dengan kos RM26.3 juta. Kerajaan Negeri telah meluluskan pinjaman kepada KMB berjumlah RM23.4 juta pada tahun 2007 dan 2008 bagi membangunkan Menara Taming Sari seperti di **Gambar 8.1**.

Gambar 8.1
Menara Taming Sari



*Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Merdeka, Bandar Hilir, Melaka
Tarikh: 17 Januari 2011*

- b. Mesyuarat Lembaga Pengarah KMB pada 8 April 2008 memutuskan untuk menyewakan premis Menara Taming Sari kepada anak syarikat milik penuh KMB iaitu Melaka Taming Sari Berhad (MTSB). Penyewaan ini termasuk pengurusan operasi menara dan penyewaan ruang perniagaan mulai 1 Julai 2008 selama 10 tahun dengan kadar RM0.35 juta sebulan. Semakan Audit terhadap pengurusan penyewaan Menara Taming Sari mendapati sewa yang sepatutnya diterima sehingga bulan Jun 2010 adalah berjumlah RM8.40 juta. Bagaimanapun sewa yang telah diterima hanya RM4.72 juta manakala RM3.68 juta masih tertunggak.

8.4.2.2. Bayaran Balik Pinjaman Bagi Projek Menara Taming Sari

Mengikut perjanjian, KMB perlu menjelaskan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM7.50 juta mulai Januari 2009. Bagaimanapun sehingga Jun 2010, KMB hanya menjelaskan bayaran balik pinjaman berjumlah RM2.30 juta dan baki tunggakan berjumlah RM5.20 juta masih belum dijelaskan walaupun KMB telah menerima hasil sewa RM4.72 juta daripada MTSB. KMB memaklumkan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri bergantung kepada prestasi perniagaan MTSB. Memandangkan MTSB baru beroperasi dan menanggung perbelanjaan yang tinggi, MTSB tidak dapat menjelaskan bayaran sewa mengikut jadual. Bagaimanapun MTSB telah menunjukkan komitmen yang tinggi untuk menjelaskan bayaran sewanya.

Pada pendapat Audit, pengurusan sewaan bangunan Menara Taming Sari oleh KMB kepada MTSB adalah memuaskan. Bagaimanapun, kawalan terhadap sewa yang masih tertunggak daripada MTSB dan juga bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri perlu dipertingkatkan.

8.4.2.3. Melaka International Bowling Centre

- a. Melaka International Bowling Centre (MIBC) terletak di kawasan Melaka International Trade Centre (MITC) yang diuruskan oleh syarikat MITC Bowlplex Sdn. Bhd. (MITCBSB) iaitu syarikat bersekutu KMB dengan pegangan saham sebanyak 40%. Sehingga Mei 2009, MITCBSB telah menerima pinjaman sejumlah RM20.06 juta daripada Kerajaan Negeri bagi membiayai projek pembinaan MIBC seperti di **Gambar 8.2.** Kerajaan Negeri bersetuju menawarkan kepada syarikat Benua Aspirasi Sdn. Bhd. (BASB) sebagai operator MIBC. Perjanjian pengurusan dan sewaan antara MITCBSB dengan BASB telah ditandatangani pada 12 Mac 2009 dan berkuat kuasa mulai Ogos 2009.

Gambar 8.2
Melaka International Bowling Centre



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: MITC, Ayer Keroh, Melaka
Tarikh: 17 Januari 2011

- b. Semakan Audit mendapati:
- i. Perjanjian pinjaman berjumlah RM20.06 juta dan jadual bayaran balik antara KMB dengan MITCBSB tidak disediakan oleh KMB.
 - ii. Pendahuluan sejumlah RM1.51 juta yang diberi kepada MITCBSB dari tahun 2007 hingga 2009 untuk membiayai projek masih belum dibayar balik. Jadual bayaran balik pendahuluan juga masih belum disediakan oleh KMB. KMB memaklumkan wang pendahuluan ini adalah daripada Kerajaan Negeri yang digunakan bagi pembangunan MIBC.
 - iii. BASB sebagai operator MIBC gagal menjelaskan bayaran komitmen, deposit sewa dan sewa bangunan sejumlah RM2.12 juta kepada MITCBSB sejak beroperasi pada bulan Ogos 2009. Bagaimanapun sehingga akhir bulan Jun 2010, sewa yang telah dijelaskan hanya RM0.92 juta walaupun BASB telah memungut hasil sejumlah RM3.49 juta. KMB memaklumkan mulai Oktober 2010, kontrak BASB telah ditamatkan kerana tidak mematuhi perjanjian yang telah ditandatangani. Operasi MIBC kini diuruskan sepenuhnya oleh MITCBSB.

Pada pendapat Audit, pengurusan pinjaman dan pendahuluan bagi projek MIBC adalah tidak memuaskan kerana tiada pemantauan dibuat oleh KMB dan menyebabkan pendahuluan gagal dikutip semula.

8.4.2.4. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari/Bersekutu/Pelaburan Lain

Pelaburan saham merupakan antara aktiviti utama KMB yang dijalankan dalam usaha menjana pendapatan syarikat. Sehingga Jun 2010, KMB telah melabur sejumlah RM10.97 juta dalam 7 syarikat subsidiari, 6 syarikat bersekutu dan sebuah syarikat lain yang terlibat dalam bidang pelancongan, pembinaan, pembangunan harta tanah, pemasaran, industri kuari, kejuruteraan dan pengurusan hospital. Semakan Audit mendapati prestasi pelaburan bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah tidak memuaskan kerana:

- Tiga syarikat subsidiari iaitu KM Engineering Sdn. Bhd. dan KM Construction Sdn. Bhd. merupakan syarikat dorman sejak tahun 1998 manakala KM Iklim Marin Sdn. Bhd. sejak tahun 2007 dengan pelaburan keseluruhan berjumlah RM0.16 juta seperti di **Jadual 8.3**.

Jadual 8.3
Syarikat Subsidiari Yang Dorman

Bil.	Syarikat	Pelaburan (RM Juta)	Dorman (Tahun)
1.	KM Engineering Sdn. Bhd	0.05	1998
2.	KM Construction Sdn. Bhd.	0.05	1998
3.	KM Iklim Marin Sdn. Bhd.	0.06	2007
Jumlah		0.16	

Sumber: Rekod KMB

- Empat syarikat subsidiari, satu syarikat bersekutu dan satu syarikat pelaburan lain mengalami kerugian selama 3 tahun berturut-turut dengan kedudukan kerugian terkumpul pada akhir tahun 2009 adalah antara RM0.06 juta hingga RM59.82 juta seperti di **Jadual 8.4**.

Jadual 8.4
Syarikat Yang Mengalami Kerugian Terkumpul

Bil.	Syarikat	Jenis Syarikat	Pelaburan (RM Juta)	Kerugian Terkumpul (RM Juta)
1.	Akademi Pelancongan Melaka Sdn. Bhd.	Subsidiari	0.30	0.23
2.	PM Cultural & Tourism Sdn. Bhd.		0.20	3.04
3.	KM Engineering Sdn. Bhd.		0.05	0.06
4.	KM Iklim Marin Sdn. Bhd.		0.06	1.82
5.	Kayu Wangi KMB Bhd.	Bersatu	3.00	25.00
6.	Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd.	Lain-lain	1.73	59.82
Jumlah			5.34	

Sumber: Rekod KMB

- Tiada dividen diisyihar walaupun 3 syarikat subsidiari, 5 syarikat bersekutu dan satu syarikat pelaburan lain memperoleh keuntungan bagi tahun-tahun semasa selepas cukai seperti di **Jadual 8.5**.

Jadual 8.5
Syarikat Yang Memperoleh Keuntungan Bagi Tahun-Tahun Semasa Selepas Cukai

Bil.	Syarikat	Jenis Syarikat	Pelaburan (RM Juta)	Keuntungan	
				Tahun	Jumlah (RM Juta)
1.	Akademi Pelancongan Melaka Sdn. Bhd.	Subsidiari	0.30	2009	0.28
2.	Putri Holidays Sdn. Bhd.		0.36	2007 2008	0.02 0.21
3.	Melaka Taming Sari Bhd.		0.30	2009	0.37
4.	Kayu Wangi KMB Bhd.	Bersekutu	3.00	2007	6.16
5.	Konsortium YKIP Bersatu Sdn. Bhd.		0.38	2007	0.03
6.	Eye On Malaysia Sdn. Bhd.		3.04	2009	1.21
7.	KM Quarry Sdn. Bhd.		0.30	2009	0.16
8.	MITC Bowlplex Sdn. Bhd.		1.18	2009	0.74
9.	Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd.	Lain-lain	1.73	2007 2009	2.55 0.26
Jumlah			10.59		

Sumber: Rekod KMB

Pada pendapat Audit, pelaburan KMB dalam syarikat subsidiari/bersekutu/pelaburan lain adalah tidak memuaskan kerana terdapat syarikat yang dorman serta mengalami kerugian semasa dan terkumpul 3 tahun berturut-turut selain tiada dividen diisytihar walaupun syarikat memperoleh keuntungan.

8.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ianya merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat, dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik akan dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab.

8.4.3.1. Pengurusan Hasil

Standard Operating Procedure (SOP) hendaklah disediakan kerana ianya merupakan sumber rujukan dan garis panduan bagi setiap aktiviti dan tugas yang ada dalam organisasi. Mengikut amalan terbaik, semua kutipan wang hendaklah dibankkan dengan segera. Bagaimanapun semakan Audit mendapati:

- a. SOP bagi pengurusan hasil tidak disediakan.
- b. Sejumlah RM12,388 pungutan tunai lewat dibankkan antara 28 hingga 63 hari dan diakaunkan ke Panjar Wang Runcit. KMB memaklumkan keperluan perbelanjaan tunai yang kerap menyebabkan hasil kutipan terpaksa digunakan untuk perbelanjaan

runcit. Manakala RM206,702 pungutan cek pula lewat dibankkan antara 3 hingga 97 hari.

Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan hasil adalah tidak memuaskan kerana SOP tidak disediakan, pungutan hasil tidak dibankkan dengan segera dan pungutan tunai digunakan untuk perbelanjaan runcit.

8.4.3.2. Pemberian Pendahuluan

- a. Perenggan 33, Memorandum Penubuhan Syarikat memberi kuasa kepada syarikat untuk memberi pendahuluan bagi kepentingan syarikat. Sehingga Jun 2010, KMB telah memberi pendahuluan sejumlah RM5.03 juta kepada 4 syarikat subsidiari dan 4 syarikat bersekutu, bagi menampung kos operasi, membiayai projek dan kos penubuhan syarikat. Pendahuluan kepada syarikat subsidiari dan bersekutu adalah seperti di **Jadual 8.6**.

Jadual 8.6
Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari Dan Bersekutu
Sehingga Bulan Jun 2010

Bil.	Bil. Syarikat	Pendahuluan Diberi		Pendahuluan Dijelaskan (RM Juta)	Baki Belum Dijelaskan (RM Juta)
		Tempoh (Tahun)	Jumlah (RM Juta)		
1.	4 Syarikat Subsidiari	1996 - 2010	2.84	0.60	2.24
2.	4 Syarikat Bersekutu	1995 - 2010	2.19	0.00	2.19
Jumlah			5.03	0.60	4.43

Sumber: Rekod Kewangan KMB

- b. Semakan Audit terhadap pengurusan pendahuluan mendapati sejumlah RM4.43 juta daripada RM5.03 juta pendahuluan yang dikeluarkan masih belum dijelaskan sehingga Jun 2010. Kegagalan mendapatkan semula pendahuluan berpunca daripada surat perjanjian dan jadual bayaran balik tidak disediakan. Selain itu, surat peringatan tidak dikemukakan kepada syarikat yang gagal menjelaskan pendahuluan. Pemantauan juga tidak dijalankan terhadap syarikat yang menerima pendahuluan kerana KMB hanya bergantung sepenuhnya pada lejar am dan tiada maklumat terperinci mengenai tujuan pemberian pendahuluan.

Pada pendapat Audit, pengurusan pendahuluan kepada syarikat subsidiari dan bersekutu adalah tidak memuaskan kerana tiada pemantauan dan jadual bayaran balik tidak disediakan.

8.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan memastikan perkara yang sama tidak berulang lagi dalam pengurusan KMB, adalah disyorkan supaya KMB memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 8.5.1. Meningkatkan hasil dan mengawal perbelanjaan supaya dapat menjana keuntungan yang optimum.
- 8.5.2. Mengambil tindakan menyediakan surat perjanjian, jadual bayaran balik dan membuat pemantauan untuk menuntut tunggakan sewa, bayaran komitmen dan bayaran pendahuluan yang diberi kepada syarikat subsidiari dan bersekutu.
- 8.5.3. Mengkaji semula pelaburannya dalam syarikat subsidiari/bersekutu/pelaburan lain serta menjalankan pemantauan yang lebih kerap dan berkesan.
- 8.5.4. Menyediakan SOP pengurusan hasil.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

9. PENGURUSAN PERBADANAN MELAKA HOLDINGS SDN. BHD.

9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Perbadanan Melaka Holdings Sdn. Bhd. (PMH) ditubuhkan pada tahun 1977 dengan modal berbayar sejumlah RM20.43 juta. PMH dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM). PMH menjalankan 3 aktiviti utama iaitu pembangunan pelaburan, perkhidmatan insuran dan takaful serta pembangunan sosio ekonomi. Objektif PMH adalah menjadi sebuah entiti korporat yang berdaya maju dan berdaya saing dalam aktiviti perniagaan khususnya pelaburan dan perkhidmatan.

9.1.2. Pada tahun 2010, PMH dianggotai oleh 7 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Enam Ahli Lembaga Pengarah yang lain terdiri daripada Pegawai Kewangan Negeri, seorang wakil PKNM, seorang wakil Pejabat Ketua Menteri dan 3 orang pemimpin tempatan. Pengurusan PMH diketuai oleh Ketua Pegawai Operasi dan dibantu oleh 2 pegawai pengurusan serta 16 pegawai sokongan. Pengurusan PMH adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Tatacara Syarikat/Undang-undang Tubuh syarikat, Pekeliling Perbendaharaan serta Surat Arahan Perbendaharaan berkaitan syarikat yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan PMH memuaskan, pengurusan aktiviti dan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

9.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tahun 2008 hingga 2010 dengan tujuan untuk menentukan sama ada wang yang disumbangkan oleh Kerajaan/Agenzi Kerajaan telah diurus dan digunakan dengan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan. Sementara analisis maklumat kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2007 hingga 2009. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak fail, rekod, minit mesyuarat dan dokumen lain yang berkaitan serta pemeriksaan fizikal aset. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai PMH juga dijalankan.

9.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mei hingga Ogos 2010 mendapati PMH memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut iaitu bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009. Bagaimanapun, tunggakan hutang bagi aktiviti kesetiausahaan

perlu diberi perhatian yang sewajarnya serta pemantauan berterusan mesti dilakukan terhadap Ketua Isi Rumah Miskin yang bekerja di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Negeri Melaka. Penjelasan lanjut berhubung prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat syarikat adalah seperti berikut:

9.4.1. Prestasi Kewangan

9.4.1.1. Analisis Trend


- a. Perbandingan prestasi kewangan bagi tahun 2007 hingga 2009 secara keseluruhan mendapati PMH memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut masing-masing berjumlah RM0.28 juta, RM0.11 juta dan RM0.16 juta. Pendapatan utama PMH meningkat pada tahun 2008 berbanding tahun sebelumnya kepada RM2.10 juta (17.3%) tetapi menurun pada tahun 2009 kepada RM1.90 juta. Perbelanjaan operasi pula meningkat kepada RM0.71 juta (3.2%) pada tahun 2008 berbanding tahun sebelumnya dan menurun kepada RM0.17 juta pada tahun 2009.
- b. Pendapatan utama PMH terdiri daripada yuran perkhidmatan kesetiausaha dan perakaunan, komisen insuran, dividen pelaburan, sewa bangunan, pengurusan tapak, yuran pengurusan acara dan caj pengurusan Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin. Pendapatan pada tahun 2008 meningkat dengan ketara berbanding tahun 2007 disebabkan peningkatan pendapatan daripada komisen insuran, pengurusan tapak, pengurusan acara dan caj pengurusan KIR Miskin. Bagaimanapun, pendapatan pada tahun 2009 menurun disebabkan perkhidmatan pengurusan tapak dan pengurusan acara telah diambil alih oleh syarikat subsidiari iaitu PM Media & Events Sdn. Bhd.
- c. Analisis Audit mendapati perbelanjaan yang tinggi pada tahun 2007 disebabkan sumbangan kepada Kerajaan Negeri sejumlah RM0.37 juta. Manakala belanja operasi meningkat pada tahun 2009 disebabkan peningkatan belanja am dan pentadbiran.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi PMH bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 9.1** dan **Carta 9.1**.

Jadual 9.1
Pendapatan, Perbelanjaan Serta Untung Bersih Bagi
Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Butiran	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Pendapatan	1.79	2.10	1.90
Perbelanjaan Operasi	0.69	0.71	0.17
Untung Kasar	1.10	1.39	1.73
Pendapatan Lain	0.72	0.01	0.01
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	1.53	1.27	1.56
Untung Operasi	0.29	0.13	0.18
Kos Kewangan	0.01	0.02	0.02
Untung Sebelum Cukai	0.28	0.11	0.16
Cukai	-	-	0.02
Untung Bersih	0.28	0.11	0.14

Sumber: Penyata Kewangan PMH

Carta 9.1
Trend Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Sebelum Cukai Bagi
Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan PMH

9.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan PMH, beberapa nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan PMH bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 9.2**.

Jadual 9.2
Analisis Nisbah Kewangan PMH Bagi
Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2007	2008	2009
a.	Nisbah Semasa	3.38 : 1	3.40 : 1	2.59 : 1
b.	Margin Untung Bersih	15.5%	5.4%	8.3%
c.	Pulangan Ke Atas Aset	0.01 : 1	0.01 : 1	0.01 : 1
d.	Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.01 : 1	0.01 : 1	0.01 : 1

Sumber: Penyata Kewangan PMH

Huraian terperinci bagi nisbah yang disenaraikan dalam **Jadual 9.2** adalah seperti berikut:

a. Nisbah Semasa

Analisis Audit mendapati nisbah semasa PMH bagi tahun 2007 hingga 2009 melebihi 2:1. Ini menunjukkan kemampuan syarikat untuk memenuhi tuntutan liabiliti semasanya.

b. Margin Untung Bersih

Analisis Audit mendapati PMH memperoleh keuntungan bagi 3 tahun berturut-turut dari tahun 2007 hingga 2009. Pada tahun 2007, bagi setiap RM1.00 hasil jualan, margin untung bersih yang dialami adalah 15 sen (15.5%), manakala pada tahun 2008 pula, margin untung bersih menurun kepada 5 sen (5.4%). Pada tahun 2009, margin untung bersih meningkat kepada 8 sen (8.3%). Walaupun PMH dapat mengekalkan keuntungan pada setiap tahun, kos pentadbiran dan operasinya yang tinggi boleh memberi kesan kepada keuntungan syarikat.

c. Pulangan Ke Atas Aset

Analisis Audit mendapati pada tahun 2007, 2008 dan 2009 pulangan yang diterima atas setiap RM1.00 aset ialah satu sen. Tiada sebarang peningkatan terhadap pulangan ke atas aset pada setiap tahun.

d. Pulangan Ke Atas Ekuiti

Analisis Audit mendapati pada tahun 2007, 2008 dan 2009 pulangan yang diterima atas setiap RM1.00 ekuiti ialah satu sen. Tiada sebarang peningkatan terhadap pulangan ke atas ekuiti pada setiap tahun.

Pada pendapat Audit, nisbah semasa PMH adalah sangat baik. Bagaimanapun, margin untung bersih, pulangan ke atas aset dan pulangan ke atas ekuiti menunjukkan nisbah pulangan yang kecil.

9.4.2. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya menjamin pencapaian objektif.

9.4.2.1. Perkhidmatan Korporat Dan Perundangan

- a. PMH menawarkan perkhidmatan korporat dan perundangan meliputi perkhidmatan kesetiausahaian dan perakaunan kepada syarikat Kerajaan Negeri dan syarikat swasta. Mulai 1 Mac 2010 aktiviti ini telah diserahkan kepada syarikat subsidiari milik penuh PMH iaitu PM Corporate Services Sdn. Bhd. Sehingga 28 Februari 2010, PMH telah menjadi setiausaha syarikat kepada 101 syarikat yang terdiri daripada 85 syarikat Kerajaan Negeri dan 16 syarikat swasta. Kadar caj perkhidmatan yang dikenakan adalah berdasarkan jadual yuran yang dikeluarkan oleh *Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)*.
- b. Semakan Audit terhadap aktiviti perkhidmatan kesetiausahaian syarikat mendapati jumlah tuntutan bagi tahun 2008 sehingga Februari 2010 adalah berjumlah RM0.93 juta. Daripada jumlah tersebut hanya RM0.50 juta dapat dikutip manakala RM0.43 juta lagi masih tertunggak. Pihak Audit dimaklumkan terdapat syarikat pelanggan tidak mampu membayar yuran kerana masalah aliran tunai. Butiran tunggakan yuran seperti di **Jadual 9.3**.

Jadual 9.3
Tunggakan Yuran Perkhidmatan Kesetiausahaian Syarikat
Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	Jumlah Tuntutan (RM Juta)	Jumlah Diterima (RM Juta)	Jumlah Tunggakan (RM Juta)
2008	0.40	0.24	0.16
2009	0.45	0.25	0.20
2010	0.08	0.01	0.07
Jumlah	0.93	0.50	0.43

Sumber: Rekod PMH

- c. Menurut PMH tindakan dan status tunggakan yuran telah dimaklumkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PMH serta telah mengkhususkan seorang kakitangan bagi tujuan kutipan tunggakan mulai 6 Julai 2010.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti korporat dan perundangan adalah memuaskan kerana PMH telah melaksanakan penambahbaikan bagi memantau dan mengutip tunggakan yuran.

9.4.2.2. Pembangunan Bisnes Dan Sosio Ekonomi

- a. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 2 November 2007 telah memutuskan PMH perlu melaksanakan Pelan Tindakan Kemiskinan Sifar Negeri Melaka untuk membasmi sepenuhnya golongan termiskin yang terdapat di Negeri Melaka. Bagi melaksanakannya, Mesyuarat Lembaga Pengarah PMH pada 7 April 2008 telah bersetuju untuk mewujudkan Unit Bisnes & Sosio Ekonomi. Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin dikehendaki bekerja 4 jam sehari dengan kadar bayaran upah RM3.50 sejam. Urusan penempatan pekerjaan KIR Miskin ini ditentukan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pembayaran upah kepada

KIR Miskin dilaksanakan oleh PMH dan tuntutan bayaran balik upah bersama 15% caj pengurusan akan dibuat kepada Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka (JKPNM) atau PBT. Caj pengurusan yang dituntut adalah bagi menampung perbelanjaan bukan operasi PMH.

- b. Semakan Audit mendapati sehingga Disember 2010, seramai 601 KIR Miskin telah diberikan peluang pekerjaan dengan bayaran upah sejumlah RM3.89 juta. Caj pengurusan yang dituntut oleh PMH bagi tempoh yang sama adalah RM0.61 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 9.4**.

Jadual 9.4
Caj Pengurusan Aktiviti KIR Miskin Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Tahun	Pendahuluan Upah (RM Juta)	Caj Pengurusan (RM Juta)	Bilangan KIR Miskin
2008	0.63	0.10	220
2009	1.33	0.23	387
2010	1.93	0.28	601
Jumlah	3.89	0.61	

Sumber: Rekod PMH

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati PMH tidak membuat pemantauan bagi mengesahkan tempoh 4 jam bekerja sehari. Ini menyebabkan pembayaran upah kepada KIR Miskin dilakukan tanpa mengetahui tempoh sebenar bekerja. Bagaimanapun lawatan Audit mendapati keadaan tempat kerja KIR Miskin adalah bersih dan kemas seperti di **Gambar 9.1** hingga **Gambar 9.4**.

Gambar 9.1

Tempat KIR Miskin Bekerja



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tadika JAIM Ayer Molek, Melaka
Tarikh: 5 Januari 2011

Gambar 9.2



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tadika JAIM Ayer Molek, Melaka
Tarikh: 5 Januari 2011

Gambar 9.3

Tempat KIR Miskin Bekerja



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Balai Raya Taman Merah Jaya
Bukit Rambai Melaka
Tarikh: 14 Januari 2011

Gambar 9.4



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Balai Raya Taman Merah Jaya
Bukit Rambai Melaka
Tarikh: 14 Januari 2011

- d. Menurut PMH, caj pengurusan yang dikenakan adalah pada kadar yang minimum bagi menampung kos operasi tanpa mengabaikan tanggungjawab sosial. Memandangkan jumlah KIR Miskin adalah ramai, PMH memerlukan kakitangan khusus bagi aktiviti pembangunan Bisnes dan Sosio Ekonomi. PMH telah memohon bantuan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) bagi memantau kerja yang dilaksanakan oleh KIR Miskin.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti pembangunan Bisnes dan Sosio Ekonomi adalah baik. PMH telah melaksanakan tanggungjawab sosial dengan memberi peluang pekerjaan kepada KIR Miskin.

9.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ianya merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat, dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik akan dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Bagi mempertingkatkan tadbir urus dalam sektor awam, Ketua Setiausaha Negara telah mengedarkan satu Garis Panduan Mempertingkatkan Tadbir Urus Dalam Sektor Awam kepada semua Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri untuk dipraktikkan dan garis panduan ini perlu diterima pakai oleh Syarikat Kerajaan.

9.4.3.1. Justifikasi Pembayaran Dividen Tidak Dikemukakan

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 antaranya menyatakan dividen perlu dibayar kepada kerajaan sebagai pemegang saham daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan syarikat. Syarikat perlu menyatakan sebab-sebab sekiranya bercadang untuk tidak membayar dividen.

- b. Semakan Audit mendapati PMH tidak membayar dividen bagi tahun kewangan 2007 dan 2008 walaupun syarikat memperoleh keuntungan sebelum cukai. PMH juga tidak menyatakan sebab mengapa dividen tidak dapat dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri. Bagaimanapun pada tahun 2010, PMH telah membuat pembayaran dividen bagi tahun kewangan 2009 kepada PKNM berjumlah RM0.02 juta. PMH menjelaskan dividen tidak dibayar kerana PMH telah memberi sumbangan RM0.37 juta kepada Kerajaan Negeri dan menyalurkan modal berjumlah RM0.40 juta bagi tujuan menyusun semula syarikat subsidiarinya.

Pada pendapat Audit, PMH perlu menjelaskan kepada Pihak Berkuasa Negeri selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 mengapa dividen tidak dibayar bagi tahun kewangan 2007 dan 2008.

9.5. SYOR AUDIT

Pada pendapat Audit, perhatian yang sewajarnya perlu diberikan terhadap prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan memastikan perkara yang sama tidak berulang lagi dalam pengurusan PMH, adalah disyorkan supaya PMH memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 9.5.1. Lembaga Pengarah PMH perlu memastikan peraturan terhadap Syarikat Kerajaan dan Amalan Terbaik Tadbir Urus Korporat Malaysia dipatuhi.
- 9.5.2. Menyediakan mekanisme pemantauan terhadap aktiviti KIR Miskin di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Sifar.
- 9.5.3. PMH perlu mengambil tindakan yang agresif bagi menuntut tunggakan yuran perkhidmatan kesetiausahaan.



BAHAGIAN III PERKARA AM

BAHAGIAN III **PERKARA AM**

10. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri Melaka. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam **Bahagian ini** di bawah tajuk berikut:

- 10.1. Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009.
- 10.2. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka.
- 10.3. Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Melaka.

11. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009

Bagi membantu Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2009, sejumlah 40 syor telah dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara untuk tujuan tersebut. Pemeriksaan susulan yang telah dijalankan mendapat setakat 30 April 2011, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan terhadap 33 syor bagi tahun 2009. Bagi 7 syor lagi, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan susulan, bagaimanapun perkara tersebut masih belum selesai dan butirannya adalah seperti berikut:

11.1. JABATAN KETUA MENTERI MELAKA DAN JABATAN KERJA RAYA NEGERI MELAKA

- Pengurusan Kenderaan Jabatan

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<p>Penyenggaraan Kenderaan</p> <p>Kos Selenggaraan Lebih Tinggi Berbanding Perolehan Kenderaan</p> <p>Analisis Audit terhadap kos penyenggaraan bagi 8 buah kenderaan yang dipilih mendapat kos selenggaraan adalah lebih tinggi berbanding kos perolehan kenderaan iaitu di antara 142.9% hingga 280.8%.</p>	JKMM perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia bagi penukaran kenderaan yang melibatkan kos selenggaraan yang tinggi dan melebihi usia kenderaan jenis Perdana V6 Executive. Selain itu, Kursus Penyelenggaraan Kenderaan bagi Pegawai pada 31 Mac 2011 manakala Kursus Penyelenggaraan Kenderaan bagi Pemandu pada 2-3 April 2011 serta 14-15 April 2011 juga telah diadakan bertujuan meningkatkan pengetahuan tentang penjagaan kenderaan.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
2.	<p>Pembaziran Perolehan Sistem Pengesanan Automatik Kenderaan (AVLS)</p> <p>Semakan mendapati JKMM telah menamatkan Talian AVLS pada 24 April 2009 melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Sistem AVLS yang dipasang pada 41 buah kenderaan rasmi Kerajaan Negeri Melaka melibatkan kos RM96,350 oleh Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.</p>	<p>Pentadbiran JKMM akan mendapatkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka sama ada untuk terus menggunakan sistem ini atau ditamatkan.</p>

11.2. MAJLIS BANDAR RAYA MELAKA BERSEJARAH

- Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
3.	<p>Pengurusan Dan Tempat Pembuangan Sisa Pepejal</p> <p>e. Tapak Konkrit Tong Sisa Pepejal Tidak Dibina</p> <p>Lawatan Audit pada 5 November 2009 di 5 lokasi iaitu Padang Flat Sri Siantan, Kampung Bukit Pulau, Jalan Pokok Mangga, Kampung Peringgit Pantai dan Kampung Tanjung Minyak, mendapati tiada pembinaan tapak konkrit untuk tempat tong sisa pepejal. Ini menyebabkan tapak tong berkenaan menjadi tempat takungan air dan berbau. Terdapat bukti sisa pepejal yang tertinggal di sekeliling tong tidak dibersihkan selepas kutipan. Ini kerana sisa pepejal telah sebat bersama permukaan tanah. Hasil soal selidik yang diedarkan, 44 daripada 70 responden (62.9%) menyatakan sisa pepejal yang bertaburan selepas proses pungutan dilakukan tidak dipungut semula atau dibersihkan.</p>	<p>Se semua tapak tong sampah awam yang disediakan untuk kemudahan orang-orang kampung diwujudkan buat sementara sahaja kerana:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tapak-tapak berada di tepi jalan dan boleh membahayakan lalu lintas. Ia hendaklah dialihkan ke tapak lain pada bila-bila masa apabila diarahkan oleh JKR atau pihak-pihak berkuasa lain. 2. Tapak sentiasa diubah atas permintaan JKKK dan orang kampung kerana sebab-sebab tertentu seperti menghalang atau berbau busuk. 3. Ada tapak dimiliki oleh pemilik-pemilik tanah persendirian dan perlu di alih atau dikeluarkan apabila diarahkan oleh pemilik-pemilik tanah. <p>Disebabkan tapak diwujudkan untuk tempoh sementara waktu sahaja, landasan-landasan konkrit tidak dibina.</p> <p>Masalah tanah becak di tapak tong sampah awam di atasi dengan pembuangan batu-batu kasuran. Tindakan ini sentiasa diambil oleh SWM Environment Sdn. Bhd.</p> <p>Masalah sampah bersepadah di sekeliling tong-tong sampah awam disebabkan oleh sikap tidak bertanggungjawab penduduk-penduduk</p>

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
		<p>yang enggan membuang sampah ke dalam tong.</p> <p>SWM Environment Sdn. Bhd. disyaratkan untuk membersih sampah di sekeliling tong-tong sampah awam pada setiap hari. Tindakan penguatkuasaan sentiasa diambil oleh MBMB untuk memastikan syarat kerja ini dipatuhi.</p>
4.	<p><i>Environmental Management Plan (EMP) Tidak Disediakan</i></p> <p>Semakan Audit mendapati pihak SWM tidak pernah menyediakan laporan EMP untuk tapak pelupusan di Mukim Krubong. Ini menyebabkan tapak tidak diuruskan dengan baik kerana tiada panduan khusus bagi menguruskan tapak pelupusan sisa pepejal.</p>	<p>Pihak SWM sedang dalam proses menyediakan laporan <i>Environmental Impact Assessment (EIA)</i> untuk dikemukakan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar.</p>

11.3. MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH DAN MAJLIS PERBANDARAN JASIN

- Pengurusan Pelesenan Premis Perniagaan, Penjaja, Pasar Malam Dan Gerai Majlis

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
5.	<p>Premis Terbiar Tanpa Penyewa</p> <p>Sebuah gerai dibina melalui peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dengan kos RM9,950 dalam keadaan semak samun di Pulau Sebang. Ruang niaga di tingkat atas Pasar Pulau Sebang yang dibina pada tahun 2001 melalui gerai Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kos RM1.61 juta masih gagal di sewa.</p> <p>Pasar Pekan Umbai yang telah siap pada 25 Oktober 2005 melalui peruntukan KPKT dengan kos RM1 juta masih tiada penyewa.</p>	<p>Gerai KPLB dibina oleh Seksyen Pengeraian Melaka. Segala maklumat di bawah KPKT. Permohonan untuk menjadikan hotel bajet telah diterima.</p> <p><i>Memorandum Of Understanding (MOU)</i> telah ditandatangani antara MPJ dan UDA Holdings bagi membina 6 unit kedai. Pelan bangunan telah diluluskan dan sekarang peringkat UDA untuk pelaksanaan projek.</p>

11.4. PENGURUSAN PUTRA SPECIALIST HOSPITAL (MELAKA) SDN. BHD. (PSHM)

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
6.	<p>a. Tunggakan Sewa Bangunan Tunggakan hutang sejumlah RM29.77 juta bagi sewaan bangunan, bayaran pajakan dan bayaran penalti gagal dijelaskan kepada Kerajaan Negeri (melalui Tabung Amanah Melaka) dari tempoh bulan Mei 2004 sehingga 31 Disember 2009.</p> <p>b. Tunggakan Bil Pesakit Tunggakan bil pesakit bagi tahun 2009 berjumlah RM14.50 juta berbanding tahun 2008 sejumlah RM13.81 juta. Bil tertunggak melebihi 150 hari adalah lebih tinggi bagi pesakit pembiayaan sendiri kerana terdapat pesakit tidak dikenakan deposit seperti ditetapkan. Daripada 659 pesakit pembiayaan sendiri, 28 bil pesakit telah dipilih sebagai sampel dan mendapati 16 (57.14%) pesakit tidak dikenakan deposit dan menyebabkan bil tertunggak sejumlah RM0.45 juta.</p> <p>c. Perbezaan Tuntutan Bil Pesakit Dilindungi Insuran Pemantauan tidak dibuat dengan berkesan terhadap baki kos rawatan yang perlu dijelaskan oleh pesakit yang tidak ditanggung sepenuhnya oleh syarikat insuran. Sampel Audit terhadap 20 bil pesakit berjumlah RM115,425 telah dipilih bagi pesakit yang dimasukkan ke wad pada 26 November 2008 hingga 10 Mac 2009. Kesemua 20 pesakit hanya ditanggung Insuran sejumlah RM98,378 manakala RM13,117 perlu ditanggung sendiri oleh pesakit. Bil rawatan telah dituntut daripada syarikat insuran walaupun sebahagian kos rawatan pesakit tidak ditanggung oleh syarikat insuran. Akibatnya kos rawatan sejumlah RM13,117 yang perlu ditanggung 20 pesakit masih belum dijelaskan dan Jabatan Kawalan Kredit menghadapi kesukaran mendapatkan tunggakan hutang daripada pesakit.</p> <p>d. Kadar Diskaun Bil Pesakit Tidak Ditetapkan Pegawai yang dibenarkan untuk memberi diskon kepada syarikat korporat adalah</p>	<p>Jumlah baki tunggakan hutang sehingga 31 Disember 2010 adalah sebanyak RM13.89 juta. PSHM telah memberikan komitmen untuk membayar sewa dan hutang tertunggak sebanyak RM260,000 setiap bulan dimana sewa bulanan adalah sebanyak RM185,000 dan RM75,000 untuk tunggakan lama.</p> <p>Tunggakan bil pesakit bagi tahun 2010 adalah sejumlah RM14.28 juta.</p> <p>i. PSHM akan menghantar surat peringatan kepada pesakit untuk menuntut bil tertunggak. ii. Telah mengeluarkan surat tuntutan melalui peguam seperti: <ul style="list-style-type: none"> * <i>Notice of Demand</i> * <i>Court Judgement</i> * <i>Proceed Execution</i> * <i>Seized Properties</i> iii. Melawat rumah pesakit untuk menuntut tunggakan bil. iv. Akan memastikan ‘top-up’ dengan kerap terutama kepada kes insuran yang tidak ditanggung oleh pihak insuran.</p> <p>Pihak Pengurusan PSHM tidak menggalakkan pemberian diskon kepada pesakit. Walau</p>

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
	<p>Ketua Pegawai Eksekutif manakala pesakit di bawah pembiayaan sendiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Penolong Pengurus Jabatan Perniagaan. Daripada 10 sampel bil pesakit berjumlah RM193,986 yang membiayai sendiri rawatan didapati kadar diskau yang diberi adalah antara 13.7% hingga 57.2%. Penetapan kadar diskau belum disediakan oleh pihak pengurusan telah menyebabkan diskau diberi tanpa kawalan dan boleh menjelaskan pendapatan PSHM.</p>	<p>bagaimanapun pemberian diskau tertakluk kepada latar belakang pesakit dan jumlah bil dan kadarnya adalah dalam lingkungan 5%.</p> <p>Penetapan kadar diskau ini meliputi bil hospital dan doktor pakar dan perkara ini telah dipersetujui dalam mesyuarat Pengurusan dan doktor-doktor pakar. Perkara ini telah dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah PSHM.</p> <p>Pegawai yang boleh memberi diskau adalah Ketua Pegawai Eksekutif sahaja.</p>
7.	<p>a.(i) Perolehan Tanpa Tender PSHM tidak menyelenggara Daftar Tender. Oleh itu bilangan dan nilai perolehan yang ditenderkan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 tidak dapat ditentukan. Semakan rawak terhadap 5 perolehan bernilai RM9.52 juta telah diperoleh tanpa proses tender.</p> <p>a.(ii)Perolehan Tanpa Sebut Harga PSHM tidak menyelenggara Daftar Sebut Harga. Oleh itu bilangan dan nilai perolehan melalui sebut harga bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 tidak dapat ditentukan. Semakan rawak terhadap 8 sebut harga bernilai RM0.83 juta telah diperoleh tanpa proses sebut harga.</p> <p>a.(iii) Pecah Kecil Perolehan Sebanyak 3 perolehan kerja penyenggaraan alat hawa dingin berjumlah RM0.26 juta telah dipecah kecil. Perolehan tersebut dibuat pada 10 Disember 2008, 23 Disember 2008, 15 Januari 2009 dengan pembekal yang sama.</p>	<p>Pihak Pengurusan PSHM akan melaksanakan sepenuhnya proses tender sebagaimana yang ditetapkan oleh Pekeliling</p> <p>Pihak Pengurusan PSHM akan melaksanakan sepenuhnya proses tender sebagaimana yang ditetapkan oleh Pekeliling</p> <p>Sekiranya proses tender ini memerlukan rundingan terus, pihak Pengurusan akan membawa perkara ini ke Jawatankuasa Tender untuk pertimbangan sebelum dipanjangkan ke Lembaga Pengarah PSHM. Jawatankuasa Tender terdiri daripada:</p> <p>Pengerusi YB Datuk SUK</p> <p>Timbalan Pengerusi Timbalan Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah</p> <p>Ahli Jawatankuasa YB Pegawai Kewangan Negeri Pengurus Besar PKNM Ketua Pegawai Eksekutif PSHM</p>

12. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI MELAKA

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka memperkenankan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Melaka. Laporan Ketua Audit Negara tahun 2009 mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri telah pun dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 1 November 2010.

13. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI MELAKA

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Melaka (Jawatankuasa) telah selesai memeriksa Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008. Laporan Jawatankuasa terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 telah dibentang di Dewan Undangan Negeri pada 7 Mac 2011. Sepanjang tahun 2010, Jawatankuasa telah bersidang sebanyak 9 kali bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008. Jawatankuasa telah memanggil Jabatan yang berkaitan bagi mendapatkan penjelasan mengenai tindakan yang diambil terhadap isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya Akauntabiliti Awam. Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara dan membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama dalam Laporan Ketua Audit Negara yang belum selesai dan memastikan syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuaratnya sepanjang tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 13.1**.

Jadual 13.1
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri
Sepanjang Tahun 2010

Tarikh	Perkara	Jabatan/Agenzi
11 Februari 2010	Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 1/2010 i. Membincangkan maklum balas / jawapan daripada Lembaga Perumahan Melaka dan Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM).	Lembaga Perumahan Melaka Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM)
19 Februari 2010	Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 2/2010 i. Membincangkan maklum balas / jawapan daripada Lembaga Perumahan Melaka dan Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM).	Lembaga Perumahan Melaka Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM)
19 Mac 2010	Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 3/2010 i. Membincangkan isu-isu mengenai Teguran Audit daripada Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008.	
6 April 2010	Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 4/2010 i. Membincangkan pemilihan isu-isu daripada Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008.	
27 April 2010	Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 5/2010 i. Penjelasan daripada Ketua Jabatan / Agenzi mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Jawatankuasa PAC.	Jabatan Agama Islam Melaka Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah Syarikat Air Melaka Berhad Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.
21 Mei 2010	Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 6/2010 i. Penjelasan daripada Ketua Jabatan / Agenzi mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Jawatankuasa PAC.	Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.
7 September 2010	Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 7/2010 i. Membincangkan maklum balas / jawapan daripada Jabatan / Agenzi mengenai isu-isu Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008.	Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.
5 Oktober 2010	Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 8/2010 i. Membincangkan maklum balas / jawapan daripada Jabatan / Agenzi mengenai isu-isu Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008.	Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.
23 November 2010	Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 9/2010 i. Membincangkan maklum balas / jawapan daripada Jabatan / Agenzi mengenai isu-isu Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008.	Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya
20 Jun 2011